

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
RAMLI BIN MOHAMAD
KISAH KEMATIAN TOK JANGGUT**

SYED MOHAMAD FIRDAUS BIN SAYED HAMID	2015165611
WAN MOHD SYAHRUL AKMAL BIN WAN SUDEN	2015140205

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UiTM CAWANGAN KELANTAN**

JULAI 2017

ABSTRAK

Abstrak: *Projek ini mengenai pengalaman Encik Ramli Bin Mohamad seorang yang dikenali ramai yang berkerja sebagai Penguatkuasa Majlis Daerah Pasir Puit (MDPP). Pengetahuan serta ilmu yang ada pada Encik Ramli Bin Mohamad ini sangat bernilai. Beliau pernah dipanggil oleh organisasi untuk sesi temu ramah mengenai kisah disebalik kematian Tok Janggut, salah satunya ialah Muzium Kelantan. Dimana beliau salah seorang keturunan Tok Janggut yang berada dalam negeri Kelantan. Transkrip ini juga menerangkan mengenai latar belakang peribadi beliau serta maklumat mengenai ahli keluarga beliau. Dalam transkrip ini juga menerangkan tentang sejarah dan pendidikan Tokoh sejak dari kecil hingga sekarang. Di samping itu, beliau menceritakan pengalaman beliau mengenai sejarah disebalik kematian Tok Janggut. Beliau juga peramah, baik serta bersedia berkongsi segala pendapat dan nasihat kepada sesiapa yang ingin mengetahui mengenai sejarah kematian Tok Janggut dengan lebih lanjut lagi. Beliau juga mengenali ramai keturunan Tok Janggut dan tidak mustahil beliau tidak boleh menceritakan kisah Tok Janggut dengan tepat. Encik Ramli Bin Mohamad berkongsi segala ilmu yang beliau miliki mengenai sejarah Tok Janggut iaitu pahlawan yang paling agung dan paling disegani pada masa itu kerana semangat yang tinggi beliau miliki untuk menentang British ketika zaman dahulu.*

Kata kunci: *Encik Ramli Bin Mohamad, Tok Janggut, Keturunan, British, Muzium Kelantan.*

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Abstrak.....	i
Penghargaan.....	ii
Senarai Singkatan.....	iii
Isi Kandungan.....	iv
Biodata Penemubual.....	v - vi
Biodata Pencerita.....	vii
Pengenalan.....	1 - 6
Kajian Literatur.....	6 - 15
Transkrip.....	16 - 54
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	16 - 22
Bahagian 2: Kerjaya.....	23 - 43
Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya.....	43 - 48
Bahagian 4: Pencapaian dan Anugerah.....	48 - 54
Rujukan.....	55
Indeks.....	56
Lampiran	
Log Temubual.....	08
Biografi Tokoh.....	08
Diari Kajian.....	09
Senarai soalan.....	10
Surat Perjanjian.....	11
Gambar, Sijil & Lain-lain.....	12

PENGHARGAAN

Assalamualaikum. Bersyukur kehadiran ilahi dengan limpah kurniaNya dapat juga kami menyiapkan tugas yang telah diusahakan selama ini yang bertajuk Kematian Tok Janggut. Tugas ini amat penting buat kami memandangkan perkara ini merupakan sebahagian daripada kerja khusus subjek IMR604 Oral Documentation. Ribuan terima kasih kami ucapkan kepada organisasi yang banyak membantu kami sepanjang kami menyiapkan tugas ini iaitu Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) kerana kerjasama yang amat kami hargai. Tidak lupa juga kepada individu yang amat penting dalam menyiapkan tugas ini iaitu narator kami Ramli Bin Mohamad yang telah memberikan kerjasama yang terbaik bagi diri kami. Sekalung penghargaan untuk pensyarah subjek kami Puan Kamariah Binti Chik dan Puan Noor Rahmawati Binti Alias kerana memberikan tunjuk ajar dan selain itu kami juga amat menghargai jasa pensyarah kami kerana memberikan bimbingan dan nasihat yang amat berguna untuk tugas kami serta membantu kami dari semasa kami susah dan senang. Seterusnya, terima kasih juga kepada ibu bapa kami kerana memberikan sokongan dan dorongan kepada kami sepanjang tugas ini disiapkan. Terima kasih yang tidak terhingga juga kami ucapkan kerana memberi kami bantuan dari segi kewangan. Tidak lupa juga rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama berhempas pulas dalam menyempurnakan projek masing-masing. Bantuan dari segi maklumat terbaru mengenai projek amat kami hargai. Buat mereka yang sanggup meluangkan masa untuk memberikan kami maklumat tidak akan kami lupakan. Akhir sekali terima kasih kepada pihak membantu kami secara langsung atau tidak langsung sepanjang tugas kami dijalankan dan didokumentasikan.

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	MAKSUD
MDPP	- Majlis Daerah Pasir Puteh
UiTM	- Universiti Teknologi Mara
GST	- Government Service Tax
D.O	- District Officer
STPM	- Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
PJJ	- Pendidikan Jarak Jauh
JKR	- Jabatan Kerja Raya
UMK	- Universiti Malaysia Kelantan
UMS	- Universiti Malaysia Sabah

BIODATA PENEMUBUAL



Syed Mohamad Firdaus Bin Sayed Hamid

• Alamat	Tanah Merah, Kelantan
• No. Telefon	
• Emel	
• Program	Fakulti Pengurusan Maklumat (IM245)



Wan Mohd Syahrul Akmal Bin Wan Suden

• Alamat	Tanah Merah, Kelantan
• No. Telefon	
• Emel	
• Program	Fakulti Pengurusan Maklumat (IM245)

BIODATA PENCERITA



Nama	Ramli Bin Mohamad
Umur	51 tahun
Tarikh Lahir	
Asal	Pasir Puteh
Alamat	Pasir Puteh, Kelantan
Tempat Tinggal	Pasir Puteh
Adik beradik	
Pekerjaan	Penguatkuasa Majlis Daerah Pasir Puteh
Pendidikan	Sekolah Rendah Kebangsaan Canggal
	Sekolah Menengah Kebangsaan Gaan
	Sekolah Menengah Kebangsaan Kamil
Nama bapa	
Nama ibu	
Nama isteri	
Bilangan Anak	6 orang (4 Lelaki 2 Perempuan)

Pengenalan

Kami memilih tajuk ini kerana sebagai rakyat biasa kita patut menghargai jasa perjuangan pahlawan pada zaman pemerintahan British. Nama sebenar Tok Janggut ialah Haji Mat Hassan ialah anak kepada panglima Munas iaitu panglima kesayangan Engku Seri Maharaja Jeram. Beliau lahir pada 1853 di Kampung Jeram. Sejak kecil beliau telah dihantar mengaji di sebuah pondok di Kelantan. Beliau mempelajari seni silat dari seorang Minangkabau. Setelah tamat pengajian, Nik Hassan berkhidmat sebagai panglima kepada Engku Seri Maharaja Jeram. Beliau kemudiannya menunaikan haji di Mekah. Sekembalinya dari Mekah, Nik Hassan digelar Tok Janggut kerana janggutnya yang panjang. Beliau tinggal di Kampung Nering dan berkahwin dengan Siti Hajar, namun tidak mempunyai anak. Pekerjaan Janggut ketika itu ialah bertani dan mengajar seni silat. Pada waktu lapang, Tok Janggut suka berlaga ayam dan bermain gasing. Menurut Nik Anuar Nik Mahmud, dengan keberanian dan kebengisan Tok Janggut beliau telah dianggap oleh orang kampung sebagai ketua mereka. Beliau sangat dihormati. Menurut Nik Anuar Nik Mahmud [1999: 32] orang kampung menghormati Tok Janggut kerana beliau cepat tersinggung dan kadang-kadang membawa kepada pertikaman dan juga pembunuhan orang dalam diam-diam.

Penentangan Tok Janggut

Dalam sejarah kebangkitan rakyat Kelantan menentang pentadbiran kolonial pada tahun 1915, Tok Janggut memainkan peranan penting sekali di dalam kebangkitan itu. Sebenarnya, kesan-kesan perubahan kepada rakyat Kelantan yang membawa kepada kebangkitan pada tahun 1915 berpunca dari pembukaan bandar Pasir Puteh pada tahun 1904 dan pelantikan ketua jajahan iaitu IncheYim. Di setiap daerah pula dilantik Tok Kweng atau Penggawa untuk mengurus dan membantu ketua jajahan menjalankan pentadbiran. Pembukaan bandar Pasir Puteh dan pelantikan ketua jajahan telah memberi kesan yang amat mendalam Engku Besar Tun Ahmad. Perubahan tersebut bermakna kekuasaan tradisi terhadap daerah Jeram semenjak Long Ghafar lagi mulai merosot dan kehilangan kuasa. Kedudukannya hanya sebagai Tok Kweng muda membimbangkan Engku Besar Tun Ahmad kerana posisi tersebut

bererti Engku Besar berada di bawah ketua jajahan. Engku Besar Tun Ahmad enggan menerima perubahan ini kerana akan merendahkan kedudukannya sebelum ini yang berlatar belakangkan sejarah keturunan beliau dari Long Ghafar dan diberi kuasa autonomi untuk mentadbir Jeram. Ketidakpuasan hati ini juga disebabkan oleh ketua jajahan itu bukan anak tempatan tetapi anak Singapura. Perasaan tidak puas hati semakin bertambah apabila Encik Yim telah meluluskan satu sistem kutipan hasil untuk menambahkan hasil kepada kerjaan. Sistem tersebut telah mengenakan hasil sebanyak RM 1 per orang kepada rakyat setiap tahun. Peraturan ini mendatangkan kegelisahan rakyat kerana ketidakmampuan membayar hasil. Penindasan melalui sistem hasil baru yang dilakukan oleh kerajaan telah menyebabkan Tok Janggut dan rakan seperjuangannya menjalankan kempen di setiap kampung di daerah Jeram supaya rakyat berhenti daripada membayar hasil. Setakat ini beberapa langkah pembaharuan telah dilaksanakan oleh pemerintah penjajah di negeri Kelantan yang memberi kesan kepada sosioekonomi di Kelantan. Pengenalan sistem Peraturan Tanah Baru 1914 telah mengundang rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat Kelantan. Ianya bukan sahaja menambahkan beban yang ditanggung oleh rakyat luar bandar malah sistem itu juga turut memburukkan lagi keadaan akibat daripada corak pemilikan tanah yang tidak sama rata. Kebangkitan rakyat di jajahan Pasir Puteh merupakan reaksi masyarakat yang menyokong perjuangan Tok Janggut. Melalui pendedahan oleh sarjana-sarjana tentang sejarah perjuangan Tok Janggut atau Haji Mat Hassan bersama rakan seperjuangannya Penghulu Adam, Haji Said dan Sahak yang menawarkan diri kepada Engku Besar Jeram untuk menubuhkan barisan menentang British. Kebangkitan rakyat di jajahan Pasir Puteh merupakan reaksi masyarakat yang menyokong perjuangan Tok Janggut. Melalui pendedahan oleh sarjana-sarjana tentang sejarah perjuangan Tok Janggut atau Haji Mat Hassan bersama rakan seperjuangannya Penghulu Adam, Haji Said dan Sahak yang menawarkan diri kepada Engku Besar Jeram untuk menubuhkan barisan menentang British. Penentangan ini bukan untuk menentang sultan Kelantan seperti yang didakwa oleh sarjana Barat, kerana Tok Janggut tidak pernah menyebut untuk menentang sultan atau menderhaka tetapi bermatlamat untuk menghalau British dari bumi Kelantan. Perjuangan Tok Janggut mendapat sokongan daripada Engku Besar Jeram Tuan Ahmad, Haji Said, CheIshak, Penghulu Adam, Tok Husin, Tok Abas, Tok Laboh dan Tok Deraman yang berkempen

untuk mempengaruhi penduduk Pasir Puteh menentang peraturan baru yang menyusahkan dan membebankan itu. Rentetan daripada tindakan Tok Janggut dan pengikutnya, Encik Latif menghantar Sarjan Che Wan dan beberapa mata-mata pada 29 April 1915, apabila mengetahui barisan penentang di bawah pimpinan Haji Mat Hassan itu sedang bermesyuarat untuk menyusun strategi di rumah Tok Nik Bas di Kampung Tok Akib. Ia bertujuan untuk membawa Tok Janggut ke Pejabat Daerah. Tindakan Encik Latif itu telah membawa kepada peristiwa pembunuhan ke atas Sarjan Che Wan. Berikutan peristiwa itu, barisan menentang British bertindak melancarkan serangan tiga penjurong ke atas Pasir Puteh pada 29 April 1915 dan mendudukinya selama tiga hari. Perjuangan Tok Janggut mendapat sokongan penduduk Pasir Puteh dan pengikutnya terdiri daripada penduduk Kampung Jeram, Kampung Nering, Kampung Gong Garu, Kampung Saring, Kampung Gaal dan Teratak Batu. Mereka berkubu di Kampung Dalam Pupuh yang terletak tidak jauh daripada Kampung Merbol. Di sinilah berlakunya pertempuran di antara askar British dengan kumpulan Tok Janggut. Tok Janggut gugur bersama-sama Tok Abas dan Tok Hussein [Pepys, 1965]. Sementara itu, Engku Besar dan beberapa orang pemimpin yang lain telah berjaya melepaskan diri daripada kepungan askar Sikh. Gerakan memburu pengikut-pengikutnya diteruskan dengan menawarkan hadiah yang agak lumayan.

Reaksi Terhadap Pengenalan Peraturan Tanah Baru 1914

Setakat ini beberapa langkah pembaharuan telah dilaksanakan oleh pemerintah penjajah di negeri Kelantan yang memberi kesan kepada sosioekonomi di Kelantan. Pengenalan sistem Peraturan Tanah Baru 1914 telah mengundang rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat Kelantan. Ianya bukan sahaja menambahkan beban yang ditanggung oleh rakyat luar bandar malah sistem itu juga turut memburukkan lagi keadaan akibat daripada corak pemilikan tanah yang tidak sama rata, menambahkan lagi kebencian masyarakat Kelantan yang selama ini ternyata tidak merestui kehadiran British di negeri itu. Pentadbiran British di dalam negeri Kelantan masih mengekalkan sistem pembesar dengan syarat perjalanan pentadbiran harus mengikut nasihat dan telunjuk Penasihat British. Manakala di peringkat jajahan ditadbir oleh Pegawai Daerah yang biasanya terdiri daripada bangsa British atau orang luar. Mereka yang dimaksudkan itu seperti di jajahan Pasir Puteh ditadbir oleh Encik

Abdul Latif yang berasal dari Singapura dan bagi jajahan Hulu Kelantan, ditadbir oleh T.S. Adams yang merupakan orang British. Justeru, dengan pengenalan sistem pentadbiran British dan juga perubahan-perubahan yang dilakukan telah didapati merugikan pembesar-pembesar tempatan. Antaranya Engku Besar Jeram Tuan Ahmad yang terpaksa menanggung kerugian akibat campur tangan British. Malahan dengan pengambil alihan pemerintahan negeri Kelantan, kuasa pembesar-pembesar Melayu dalam Majlis Negeri juga turut dikurangkan lagi. Bukan itu saja, kuasa yang tinggal pada mereka hanyalah setakat memberi apabila diminta dan meluluskan undang-undang. Lebih malang lagi, dalam banyak perkara pandangan pembesar-pembesar negeri diketepikan sahaja oleh Penasihat-penasihat British.

Sebab Penentangan

Kebangkitan penduduk di jajahan Pasir Putih menggambarkan rakyat di negeri itu tidak dapat menerima sistem tanah baru yang agak asing bagi mereka. Situasi ini membuktikan bahawa campur tangan British baik di jajahan negeri itu mahupun negeri-negeri lain di Tanah Melayu semasa pentadbiran British telah menimbulkan perasaan tidak puas hati terutama hasil dari pengenalan peraturan baru yang menekan, membebankan dan menyusahkan mereka. Penguatkuasaan sistem pemilikan tanah dan cukai yang baru itu bukan sahaja menyusahkan malah telah menyentuh persoalan undang-undang Islam 21 iaitu dengan ketepikan perundangan tanah Islam apabila sistem pemilikan tanah berasaskan Sistem Torrens dikuatkuasakan. Tegasnya, gerakan protes itu walaupun tidak mampu membawa perubahan yang besar kepada masyarakat terutama untuk membela nasib mereka, namun sekurang-kurangnya menyedarkan pihak pentadbir British agar lebih berhati-hati apabila melaksanakan sesuatu peraturan di negeri itu.

Akhir Penentangan

Meskipun pemberontakan 1915 tersebut gagal membuahkan kejayaan seperti apa yang dirancang, akan tetapi semangat perjuangan menentang British masih belum berakhir. Ianya terbukti daripada penyertaan rakyat Kelantan dalam Kesatuan Melayu Muda pada tahun 1938 dan penglibatan mereka dalam Angkatan Pemuda Insaf apabila cawangannya telah dibuka di Pasir Putih. Tidak dapat dinafikan kegagalan pemberontakan tersebut disebabkan

tidak adanya kebangkitan yang lebih menyeluruh daripada penduduk jajahan lain seperti Kota Bharu, Kuala Krai dan Pasir Mas semasa serbuan dilakukan. Malahan ia berpunca daripada kekurangan pemimpin yang sanggup berkorban seperti Haji Mat Hassan untuk membebaskan Kelantan dari kekuasaan British. Bahkan ada segelintir daripada pembesar seperti Kweng Tuan Muda Jeram dan Kweng Awang Hamat Semerak yang bekerjasama dengan British. Keadaan yang sama juga berlaku di negeri Melayu lain. Perkara ini membuktikan bahawa dalam gerakan anti-penjajah, kesedaran rakyat mesti digabungkan dengan kepimpinan untuk ianya membuahakan kejayaan.

Kesimpulan

Setelah berhadapan dengan kebangkitan Tok Janggut menentang pelaksanaan Peraturan Tanah Baru, pihak pentadbir mengambil langkah lebih berhati-hati. Walaupun kebangkitan ini ditumpaskan dan Tok Janggut terkorban, akan tetapi penasihat British yang menggantikan W. Langham-Carter terpaksa lebih menumpukan perhatian kepada pemodenan yang lebih umum. Hal ini kerana kegiatan huru-hara seperti itu walaupun kecil telah menimbulkan kesulitan kepada kerajaan dan sedikit sebanyak menjejaskan imej pentadbir-pentadbir mereka. Justeru, untuk mengelak daripada timbulnya perasaan tidak puas hati dan penentangan rakyat, langkah-langkah pembaharuan dalam melaksanakan pentadbiran tanah yang lebih berkesan dan telah diambil. Pihak British juga berharap agar langkah pembaharuan ini dapat memperkukuhkan lagi kedudukan mereka di Kelantan. Dengan itu akan melancarkan perjalanan sistem pentadbiran tanah. Kelantan juga cuba ditadbir secara longgar dan dibiarkan dengan lenggoknya sendiri. Maknanya corak pentadbiran lebih cenderung mempertahankan ciri ketradisionalan negeri itu. Bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa apabila British masuk, perkara pertama yang dilakukan adalah membuat perubahan ke atas sistem yang sedia ada. Perubahan ini tentunya mengundang reaksi dari masyarakat, misalnya kebangkitan Tok Janggut. Justeru, pihak penjajah British mulai sedar betapa perlunya sikap berhati-hati serta kerjasama golongan elit tradisional demi menjayakan dasarnya di negeri-negeri Melayu. Maknanya apabila British masuk mereka sudahpun merancang untuk membuat pembaharuan terutama dalam pentadbiran tanah. Jadi,

kebangkitan Tok Janggut menentang peraturan baru itu menjadi pemangkin yang mempercepatkan lagi hasrat British untuk melaksanakan apa yang telah dirancang.

KAJIAN LITERATUR

Definisi sejarah lisan adalah dimana cerita pada zaman dahulu yang dkenangkan seorang tokoh yang dirakam secara wawancara. Tokoh atau pencerita biasanya terdiri daripada orang yang banyak pengalaman tentang cerita rakyat. Selain itu, maklumat yang diperolehi dari penemubual atau wawancara tersebut kemudian disalin dan salinan itu ditaip dan disemak dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Cerita rakyat adalah merupakan tradisi lisan yang secara turun temurun diwariskan dalam kehidupan masyarakat. Cerita rakyat terbentuk dari perilaku tentang nilai-nilai yang menjadi bahan mulut dalam kehidupan masyarakat.

Abstrak

Tok Janggut atau Haji Mat Hassan bin Munas, lahir pada 1853 di Kampung Jeram, Pasir Puteh. Beliau berkahwin dengan Siti Hajar tetapi tidak dikurniakan cahaya mata. Sejak kecil lagi beliau mendapat pendidikan di sebuah pondok kemudiannya menunaikan haji di Mekah. Selain daripada mempelajari ilmu agama, beliau juga mempelajari ilmu silat dan memiliki ilmu persilatan yang tinggi. Tok Janggut mempunyai falsafah tersendiri dalam dirinya iaitu di kebangkitan beliau menentang British, cukai merupakan antara faktor penentangan tetapi apa yang paling penting dipegang oleh Tok Janggut ialah orang Islam tidak boleh berada di bawah pemerintahan orang kafir atau orang bukan Islam. Kemudiannya, diakhir kisah kematiannya juga terdapat pelbagai spekulasi mengikut pandangan sejarawan yang berbeza.

Pengenalan

Tok Janggut atau nama sebenarnya Haji Mat Hassan bin Munas, lahir pada 1853 di Kampung Jeram merupakan seorang yang tidak asing lagi dalam kisah perjuangan dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu. Beliau berasal dari Pasir Puteh, Kelantan beliau tinggal di kampung Nering dan berkahwin dengan Siti Hajar namun tidak memiliki anak. Sejak kecil lagi beliau dihantar mengaji di sebuah pondok di Kelantan dan turut mempelajari ilmu silat dari seorang Minangkabau. Setelah beliau menamatkan pengajian di pondok tersebut, beliau menunaikan haji di Mekah. Sekembalinya dari Mekah, Mat Hassan digelar Tok Janggut kerana memiliki janggut yang panjang sehingga dikatakan janggutnya mencecah hingga ke paras riba. Perjuangan Tok Janggut bukanlah disebabkan oleh keperluan atau bersifat peribadi kerana beliau turut disokong oleh pemimpin tempatan, Engku Besar Jeram Tuan Ahmad, Penghulu Adam, Haji Said, Panglima Ishak, Tok Laboh, Pak Nik Abas, Tok Husin dan Tok Deraman, dan rakyat tempatan yang berjumlah hampir dua ribu orang. Kisah kebangkitan Tok Janggut bermula dalam lingkungan tahun 1915 bermula dengan apabila Sarjan Che Wan (yang dihantar oleh Pegawai Jajahan, Encik Latif) ditikam oleh Tok Janggut dalam satu perbalahan.

Dalam sejarah kebangkitan rakyat Kelantan, Tok Janggut memainkan peranan yang sangat penting dalam kebangkitan tersebut. Kisah penentangan bermula apabila pembukaan bandar Pasir Puteh pada tahun 1904 dan perlantikan ketua jajahan iaitu Encik Yim. Di setiap daerah di Pasir Puteh diketuai oleh Tok Kweng atau Penggawa untuk membantu ketua jajahan menjalankan pentadbirannya di Pasir Puteh. Di daerah Jeram, Tok Kwengnya ialah Engku Muda manakala Engku Besar Tuan Ahmad anak kepada Engku Pandak telah diangkat menjadi Tok Kweng muda. Tok Kweng dipertanggungjawabkan untuk menjaga keamanan di dalam daerahnya dan memungut hasil mahsul serta menjalankan urusan-urusan tentang tanah, penyembelihan lembu, kerbau dan lain-lain. Jawatan di bawah Tok Kweng pula ialah Tok Nebeng bertanggungjawab mengutip hasil dan menjaga keamanan kampung. Menurut kajian atau tulisan oleh Professor Datuk Nik Anuar Nik Mahmud, pada awal kurun ke-20 kebanyakan penduduk di jajahan ini tinggal di daerah Jeram iaitu Jeram, kampung Saring, kampung, Nering, kampung Raja dan Pengkalan Limbongan. Daerah Jeram diperintah oleh pusat pentadbiran raja wilayah semenjak Long Ghaffar lagi. Pasir Puteh merupakan wilayah

yang menghubungkan daerah-daerah lain seperti Bachok, Tumpat, Kota Bharu dan Kuala Terangganu melalui sungai Semerak.

Pembukaan Pasir Puteh dan perlantikan dan perlantikan ketua jajahan amat memberi kesan yang mendalam terhadap Engku Besar Tun Ahmad. Tetapi kedudukannya sebagai Tok Kweng muda dan membimbangkan Engku Besar Tun Ahmad kerana posisi tersebut bererti beliau berada dibawah ketua jajahan. Engku Besar Tun ahmad enggan menerima keadaan ini kerana ia akan merendahkan kedudukannya kerana beliau berlatar belakang keturunan Long Ghaffar yang diberi kuasa autonomi untuk mentadbit Jeram. Ketidakpuasan ini juga bertambah kerana ketua jajahan itu bukanlah berasal dari tanah Melayu tetapi berketurunan Singapura. Perasaan tidak puas hati Engku Besar Tun Ahmad telah mendapat simpati Tok Janggut, bekas panglima Engku Seri Maharaja Jeram dan juga mendapat perhatian daripada penghulu Adam, Haji Said Merbol dan Encik Ishak. Perasaan tidak puas hati semakin bertambah apabila Encik Yim telah meluluskan satu sistem kutipan hasil untuk menambahkan hasil kepada kerjaan. Cukai ini dianggap membebankan kepada rakyat di Pasir Puteh. Peraturan ini mendatangkan kegelisahan rakyat kerana tidak mampu membayar hasil. Penindasan melalui sistem hasil baru yang dilakukan oleh kerajaan telah menyebabkan Tok Janggut dan rakan seperjuangannya menjalankan kempen di setiap kampung di daerah Jeram supaya rakyat berhenti daripada membayar hasil. Bagaimanapun kempen itu hanyalah secara kecil-kecilan kerana ketua jajahan yang Encik Yim telah ditukar kepada Nik Salleh, seorang anak tempatan. Setelah anak tempatan telah kembali mentadbir jajahan, kegelisahan rakyat mulai reda dan sistem cukai yang baharu itu telah digantung. Dengan kebijaksanaan Nik Salleh dalam pemerintahannya telah Berjaya mengambil hati rakyat dan telah mengurangkan kegelisahan penduduk tempatan. Setahun kemudian Nik Salleh telah ditukarkan dan diganti oleh encik Latiff, orang Singapura. Beliau seorang yang tegas. Semasa Encik Latiff memegang jawatan itu, kutipan hasil berkurangan sebanyak \$1,300. Keadaan ini disebabkan oleh gerakan permulaan yang dilakukan oleh Tok Janggut. Disebabkan hal ini, Encik Latiff mula bertindak dengan mengarahkan peraturan hasil baru dijalankan semula. Jika tidak membayar hasil itu, akan didenda dan akan dibawa ke mahkamah dan bagi sesiapa yang tidak bekerjasama dengan Tok Kweng dan Tok Nebeng akan dihukum. Oleh kerana arahan Encik Latiff tersebut telah menimbulkan kembali

perasaan gelisah dalam kalangan rakyat kerana pengeluaran padi pada tahun 1912 tidak menjadi. Ekoran daripada itu harga padi telah meningkat kepada 6 sen segantang. Berikutnya, pada tahun 1914 Kelantan mengalami keadaan meleset dan menyebabkan pendapatan negeri jatuh. Menurut kajian Arwah Profesor Daruk Nik Anuar Nik Mahmud, hasil negeri pada 1914 ialah sebanyak \$762,772 sedangkan perbelanjaan dalam negeri sebanyak \$805,965, ini menyebabkan kekurangan sebanyak \$443,193.

Pengenalan Peraturan Tanah Baru 1914 dan reaksi rakyat dan kebangkitan Tok Janggut, 1915.

Pengenalan sistem Peraturan Tanah Baru 1914 telah mengundang rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat Kelantan. Ianya bukan sahaja menambahkan beban yang ditanggung oleh rakyat luar bandar malah sistem itu juga turut memburukkan lagi keadaan akibat daripada corak pemilikan tanah yang tidak sama rata. Akibat daripada peraturan baru yang diperkenalkan telah menambahkan lagi kebencian masyarakat Kelantan selama ini yang tidak menerima kehadiran British di negeri itu. Pada ketika itu, pentadbiran British di negeri Kelantan masih mengekalkan system pembesar dengan syarat dimana sebarang urusan pentadbiran harus mengikut nasihat daripada penasihat British, manakala di peringkat jajahan ditadbir oleh Pegawai Daerah yang kebanyakannya terdiri daripada bangsa British atau orang luar. Mereka yang dimaksudkan itu seperti di jajahan Pasir Putih ditadbir oleh Encik Abdul Latif yang berasal dari Singapura dan bagi jajahan Hulu Kelantan, ditadbir oleh T.S. Adams yang merupakan orang British. Justeru, dengan pengenalan system pentadbiran British dan juga perubahan-perubahan yang dilakukan telah didapati merugikan pembesar-pembesar tempatan. Antaranya Engku Besar Jeram Tuan Ahmad yang terpaksa menanggung kerugian akibat daripada campur tangan British. Dengan pengambil alihan pemerintahan negeri Kelantan, kuasa pembesar-pembesar Melayu dalam Majlis Negeri juga turut dikurangkan lagi. Tambahan pula, kuasa yang hanya mereka dapat ialah memberi apabila diminta dan meluluskan undang – undang. Dalam masa yang sama, segala pandangan dan cadangan daripada pembesar – pembesar negeri tidak diendahkan oleh penasihat – penasihat British. Bagaimanapun di peringkat pentadbiran negeri, kedudukan sultan masih diberi perhatian misalnya dengan memberi ganjaran seperti gaji sebanyak \$4,800 setahun dan dianugerah darjah kebesaran (K.C.M.G.) oleh kerajaan British. Ini

bertujuan untuk menawan hati Long Senik, iaitu sultan Kelantan pada masa British mula bertapak di negeri itu. Malah bagi memastikan sultan sentiasa memihak kepada Britain, *Gabenor* Negeri-negeri Selat, Arthur Young telah meminta Penasihat British Kelantan pada waktu itu iaitu William Langham-Carter, agar menjamin keadaan tersebut.

Memandangkan sultan pembesar - pembesar Melayu tidak berdaya melawan kehendak pihak pentadbiran British, terutamanya masalah penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan undang-undang tanah, maka sentimen anti-British semakin meningkat di kalangan rakyat luar bandar terutamanya. Secara majoritinya golongan ini dalam kalangan petani dan terpaksa menanggung beban akibat dari peraturan cukai tanah baru yang diperkenalkan. Oleh kerana bebanan ini turut dirasai juga oleh sesetengah pembesar tempatan yang merasa dirugikan, maka tercetus kebangkitan rakyat tempatan sebagai reaksi terhadap perubahan pentadbiran yang diperkenalkan oleh British. Pemimpin-pemimpin utama dalam perjuangan ini ialah Haji Mat Hassan atau lebih dikenali sebagai Tok Janggut dan Engku Besar Jeram. Kebangkitan rakyat di jajahan Pasir Puteh merupakan reaksi masyarakat yang menyokong perjuangan Tok Janggut. Menurut pandangan para pengkaji sejarah, Tok Janggut atau Haji Mat Hassan bersama rakan seperjuangannya Penghulu Adam, Haji Said dan Sahak yang menawarkan diri kepada Engku Besar Jeram untuk menubuhkan barisan menentang British. Selain ingin menentang kehadiran pemerintah bangsa asing yang dianggap kafir harbi, beliau menubuhkan barisan penentangan British kerana merasa tidak puas hati terhadap penghinaan yang diterima daripada Pegawai Daerah ketika itu, Encik Latif di khalayak ramai sewaktu beliau ingin membuat bayaran hasil (cukai) di Pejabat Tanah Pasir Puteh. Oleh sebab ini lah dan bebanan yang diterima rakyat, mereka merasakan mereka perlu bertindak. Perjuangan Tok Janggut menentang perluasan kuasa British di tanah Melayu keatas dunia Islam sering kali diperkatakan dan ditulis oleh para sejarawan. Arwah Profesor Nik Anuar, berpendapat bahawa Islam menjadi titik tolak perjuangan Tok Janggut, 1915 dan menjadi antara sebab yang utama yang membangkitkan semangat dan perjuangan mereka. apabila faktor jihad tersebut dipadukan dengan kekecewaan pembesar daerah mengenai kekuasaan dan kedudukannya serta kemarahan orang ramai akibat dari pengenalan peraturan yang dikeluarkan iaitu menetapkan cukai ke atas tanah, kemarahan rakyat Kelantan tidak dapat dibendung lagi. Dalam peraturan cukai yang baru, setiap tanah sama ada dikerjakan atau

tidak dikerjakan diwajibkan membayar cukai. Bagi mereka yang gagal membayar cukai atau hasil, mereka akan didenda. Para pengkaji berpendapat perkara inilah yang menimbulkan kebencian mereka terhadap British dan teretusnya Perjuangan Tok Janggut. Antara faktor yang mencetuskan penentangan Tok Janggut adalah kesan daripada tanaman yang tidak menjadi kerana tanaman rosak dan faktor ketidakcekapan pegawai yang bertugas mengecewakan penduduk yang datang untuk membayar cukai. Selain daripada itu, faktor anti-orang luar juga turut menjadi salah satu faktor penentangan Tok Janggut. Tindakan melantik orang luar dalam pentadbiran jajahan telah berlaku sejak W.A. Graham menjadi Pesuruhjaya Siam di Kelantan pada tahun 1903 lagi. Oleh kerana tidak mahu mereka ditadbir oleh orang luar, penduduk Pasir Puteh melantik Engku Besar Jeram Tuan Ahmad sebagai pemerintah Pasir Puteh sebagai bantahan kepada pihak British. Berbalik kepada pengenalan “Peraturan Tanah Baru, 1914”, sudah ada peraturan lain yang dibuat sebelum itu. Menurut peraturan tersebut, penduduk negeri diwajibkan membayar hasil keluaran tersebut dan membantu Tok Kweng memungut hasil. Setelah itu, pemerintah British telah mengambil alih pentadbiran negeri, dan mengeluarkan peraturan baru dengan lebih ketat iaitu penduduk negeri itu atau petani khususnya wajib membayar cukai ke atas setiap tanah samada dikerjakan atau tidak dikerjakan. Penguatkuasaan peraturan tanah baru ini, ternyata ianya amat menyusahkan dan membebankan rakyat kerana wajib membayar cukai dalam apa keadaan pun tanpa pengecualian termasuk hasil yang tidak menjadi. Tambahan peraturan baru ini bercanggah dengan peraturan yang sebelumnya yang mengenakan cukai berdasarkan hasil yang diperolehi. Bukan itu sahaja, mereka juga tidak dikenakan cukai jika hasilnya tidak menjadi. Akan tetapi di bawah peraturan tanah yang baru, sekiranya gagal membayar cukai atau hasil mereka akan didenda. Disebabkan itulah kemarahan penduduk tidak dapat lagi dibendung. Beban ini makin terasa apabila pada tahun 1915, kerana hasil tanaman tidak begitu menjadi kerana banyak tanaman yang rosak sedangkan mereka disusahkan dengan bayaran cukai tanah dan hasil. manakala di satu pihak lagi disusahkan dengan pegawai yang bertugas tidak cekap, lembap dan bersikap kasar dengan mereka yang urusan dengan pegawai tersebut. Oleh sebab itu, kesempatan itu telah diambil oleh Tok Janggut untuk menyusun barisan bagi menentang British di Kelantan.

Kebangkitan Tok Janggut

Penentangan ini bukanlah untuk menentang sultan Kelantan seperti yang didakwa para oleh sarjana Barat, ini kerana kerana Tok Janggut tidak pernah menyebut untuk menentang sultan atau menderhaka tetapi bermatlamat untuk menghalau British dari bumi Kelantan. Perjuangan Tok Janggut mendapat sokongan daripada Engku Besar Jeram Tuan Ahmad, Haji Said, Encik Ishak, Penghulu Adam, Tok Husin, Tok Abas, Tok Laboh dan Tok Deraman yang berkempen untuk mempengaruhi penduduk Pasir Puteh menentang peraturan baru yang menyusahkan dan membebankan itu. Disebabkan tindakan Tok Janggut ini telah menyebabkan Encik Latiff menghantar sarjan Che Wan dan beberapa orang mata – mata pada 29 April 1915 apabila mengetahui barisan penentang di bawah pimpinan Haji Mat Hassan itu sedang bermesyuarat untuk menyusun strategi di rumah Tok Nik Bas di Kampung Tok Akib. Ia bertujuan untuk membawa Tok Janggut ke Pejabat Daerah. Disebabkan tindakan Encik Latiff itu telah membawa kepada pembunuhan sarjan Che Wan. peristiwa pembunuhan itu mengejutkan Encik Latiff dan serta merta mengarahkan lapan orang lagi mata-mata untuk menangkap Haji Mat Hassan. Bagaimanapun setelah sampai di Kampung Kelubi, mereka dimaklumkan oleh orang-orang kampung bahawa Tok Janggut telah mengetuai seratus orang Melayu untuk menyerang bandar Pasir Puteh. Encik Latiff telah berusaha untuk meminta bantuan Tok Kweng Gaal dan Tok Kweng Berangan tetapi hasilnya gagal. Rentetan peristiwa itu, barisan menentang British bertindak melancarkan serangan tiga penjuru ke atas Pasir Puteh pada 29 April 1915 dan mendudukinya selama tiga hari. Selain itu mereka juga melantik Engku Besar Jeram sebagai Pemerintah Pasir Puteh, Tok Janggut sebagai Perdana Menteri dan dibantu oleh Haji Said dan Che Ishak sebagai Ketua Jajahan. Langham-Carter, Pepys, A.G. Maxwell dan beberapa pegawai British memimpin pasukan Malay State Guides untuk memburu Tok Janggut dan rakan – rakannya yang lain. Mereka melakukan begitu kerana bimbang kebangkitan Pasir Puteh akan menjadi satu kebangkitan di Kelantan. Malah Penasihat British pada masa itu, Langham-Carter mengarahkan T.S. Adams, Pegawai Daerah Hulu Kelantan agar mengawasi pergerakan pengikut setia Haji Mat Hassan yang sudah mencecah 2,000 orang. Antara pengikut setianya iaitu Pa'Ya dan Mat saman, dikatakan sedang menyusun barisan di daerah Kemuning untuk menyerang Kuala Krai.

Perjuangan Tok Janggut mendapat sokongan penduduk Pasir Puteh dan pengikutnya terdiri daripada penduduk Kampung Jeram, Kampung Nering, Kampung Gong Garu, Kampung Saring, Kampung Gaal dan Teratak Batu. Mereka berkubu di Kampung Dalam Pupuh yang terletak tidak jauh daripada Kampung Merbol. Di sinilah berlakunya pertempuran besar-besaran di antara askar British dengan kumpulan Tok Janggut. Tok Janggut gugur bersama-sama Tok Nik Abbas dan Tok Hussein. Sementara itu, Engku Besar dan beberapa orang pemimpin yang lain telah berjaya melepaskan diri daripada kepungan askar Sikh. Gerakan memburu pengikut-pengikutnya diteruskan dengan menawarkan hadiah yang agak lumayan. Selain Tok Janggut menentang cukai yang membebankan, sebenarnya dia berpegang kepada prinsip agama yang cukup tinggi iaitu orang Islam tidak boleh berada dibawah pemerintahan orang kafir. Setelah berakhirnya peperangan tersebut, wujudlah pelbagai spekulasi tentang kematian Tok Janggut. Seheinggakan ada yang mengatakan bahawa Tok Janggut tidak pernah mati

Kematian Tok Janggut

Kisah kematian Tok Janggut mempunyai pelbagai versi. Versi pertama yang diceritakan oleh sesetengah para sejarawan dimana mereka mengatakan Tok Janggut sebenarnya tidak mati di dalam pertempuran terakhirnya menentang British. Beliau dikatakan mengalami kecederaan dan kemudian dibawa lari oleh seorang yang bernama Mat Kelubi ke Gua Musang. Musang kemudian sembuh dan balik ke Kota Bharu. Kemudiannya berkahwin dengan orang Kota Bharu dapat anak. Dan akhirnya dikatakan bahawa Tok Janggut meninggal tua. Salah satu lagi versi pula menyatakan bahawa Tok Janggut mati di medan perang semasa peperangan terakhir, kemudian mayatnya dibawa ke Kota Bharu dan mayatnya diarak keliling Kota Bharu dan digantung songsang di Padang Bank selama tiga hari. Sestengah pihak berpendapat bahawa itu adalah bukan mayat Tok Janggut sebaliknya mayat orang lain yang berjanggut juga diarak di Kota Bharu. Orang Kota Bharu tidak mengenali wajah sebenar Tok Janggut jadi mereka mempercayai bahawa itu adalah mayat Tok Janggut yang sebenar. Menurut Ramli Mohamad pula yang mengakui bahawa dirinya mempunyai pertalian darah atau cicit kepada Tok Janggut menyatakan mayat yang diarak di Kota Bharu bukan orang

lain sebaliknya itu memang mayat Tok Janggut. Beliau berkata berdasarkan gambar yang diperoleh daripada Bodleian Library, memang benar itulah mayat Tok Janggut. Menurut beliau lagi, dia lebih suka versi kedua cerita ini kerana beliau lebih suka mengatakan Tok Janggut mati dengan bermaruah di medan perang dalam memperjuangkan bangsa dan agama. Manakala mengikut versi pertama yang banyak diceritakan, beliau kurang bersetuju dengan kenyataan tersebut bahawa itu bukan mayat Tok Janggut dan sebenarnya tidak mati. Ini kerana beliau kurang bersetuju dengan menyatakan bahawa orang Melayu kita ini tidak boleh menerima bahawa pejuang mereka gugur di medan perang dan mereka satu cerita lain yang menjadikan pahlawan mereka tidak mati. Beliau juga merujuk contoh kisah pahlawan Melaka yang terkenal iaitu Hang Tuah yang kisahnya tergantung begitu sahaja sehingga ada yang menyatakan bahawa Hang Tuah tidak pernah mati dan sebaliknya ghaib.

Harapan Pengarang

Berdasarkan kisah perjuangan Tok Janggut, banyak iktibar yang dapat diperoleh. Sebagaimana yang dilakukan oleh Tok Janggut, kita tidak boleh membiarkan bangsa dan agama kita ditindas oleh bangsa lain secara tidak adil. Falsafah yang diperjuangkan oleh Tok Janggut amatlah kuat iaitu agama amatlah penting dan perlu dijaga dengan sebaik mungkin. Justeru itu, kita tidak seharusnya membiarkan diri kita ditindas oleh bangsa lain terutamanya orang bukan Islam. Hal ini kerana berdasarkan falsafah yang dibawa oleh Tok Janggut seharusnya dipegang oleh setiap orang Islam yang menyatakan bahawa apa sahaja yang dilakukan perlulah berlandaskan agama Islam.

Tambahan, terdapat sesetengah masyarakat berpendapat bahawa Tok Janggut adalah seorang penderhaka. Sepatutnya mereka perlu mengubah persepsi tersebut kepada pejuang kerana telah memperjuangkan hak orang Melayu daripada ditindas oleh pihak British.

Kesimpulan

Setelah berhadapan dengan berhadapan dengan kebangkitan Tok Janggut menentang pelaksanaan Peraturan Tanah Baru, pihak pentadbir mengambil langkah lebih berhati-hati. Walaupun kebangkitan ini ditumpaskan dan Tok Janggut terkorban, akan tetapi penasihat

British yang menggantikan W. Langham-Carter terpaksa lebih menumpukan perhatian kepada pemodenan yang lebih umum. Walaupun kebangkitan ini hanyalah kecilan, tetapi ia telah banyak menimbulkan kekacauan dan menimbulkan kesulitan kepada kerajaan dan sedikit sebanyak menjejaskan imej pentadbir-pentadbir mereka. Oleh sebab penentangan itu, pihak British telah melakukan pembaharuan dalam melaksanakan pentadbiran tanah yang lebih berkesan dan telah diambil bagi mengukuhkan lagi kedudukan mereka di negeri Kelantan. Kelantan juga cuba ditadbir secara longgar dan dibiarkan dengan lenggoknya sendiri. Maknanya corak pentadbiran lebih cenderung mempertahankan ciri tradisional negeri itu.

Tidak dinafikan juga bahawa apabila British memasuki tanah Melayu, perkara pertama yang dilakukan ialah membuat perubahan terhadap system yang sedia ada kerana mereka ingin membolot segala hasil bumi dan keuntungan di tanah Melayu. Oleh itu, dengan kebangkitan Tok Janggut telah membuka mata British supaya lebih berhati-hati dan kerjasama dengan golongan pembesar tempatan amat penting untuk menjayakan dasarnya di negeri-negeri Melayu.

TRANSKRIP TEMUBUAL

Petunjuk:

RM: Ramli Mohamad

SMF: Syed Mohamad Firdaus

WSA: Wan Mohd Syahrul Akmal

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

SMF	:	Apakah nama sebenar Encik?
RM	:	Ok [baiklah]. Assalamualaikumwarahmatullah. Nama penuh <i>Abe</i> [abang] Li [Abang Li] Ramli Bin Mohamad Bin Abdullah Bin Labuh atau pun Abdullah Bin Mohamad dikenali juga sebagai Mamad Pok Labuh. Mamad Pok Labuh ini adalah Putera kepada Panglima Munas salah seorang Putera kepada Panglima Munas itu yang diceritakan, jadi <i>Abe</i> [abang] Li cicit saudara kepada arwah Tok Janggut. Itu yang diceritakan oleh orang tua turun temurun.
SMF	:	Apakah nama panggilan Encik dalam kalangan rakan-rakan Encik?
RM	:	<i>Abe</i> [abang] Li [Abang Li].
SMF	:	Bilakah tarikh lahir Encik?
RM	:	Tarikh lahir sepuluh haribulan tujuh [10/7/1966]

SMF	:	Di manakah tempat kelahiran Encik?
RM	:	<i>Abe</i> [abang] Li nya asal di Pasir Puteh di Kampung Canggal. Tempat tinggal yang biasa di Kampung Jelor Pasir Puteh. Kemudian ada juga sebuah lagi rumah di Banggol Judah.
SMF	:	Dimanakah Encik dibesarkan?
RM	:	Membesarnya di Pasir Puteh di Kampung Canggal itu lah.
SMF	:	Encik menetap dengan siapa?
RM	:	Di Pasir Puteh duduk dengan arwah nenek. Dijaga oleh arwah nenek sehinggalah besar menjadi orang tua [ketawa]. Di Banggol Judah baru je menetap.
SMF	:	Berapakah bilangan adik-beradik Encik ?
RM	:	Adik-beradik ada lima. <i>Abe</i> [abang] Li anak yang kedua
SMF	:	Apakah pekerjaan Encik sekarang?
RM	:	Bekerja sebagai Penguatkuasa Majlis Daerah Pasir Puteh. [MDPP]

SMF	:	Di manakah Encik belajar dahulu?
RM	:	Belajar di Sekolah Menengah Gaal. Sekolah Kebangsaan Canggal, Sekolah Menengah Gaal dan Sekolah Menengah Kamil.
SMF	:	Siapakah nama ibu Encik?
RM	:	Cik Rugayah binti Abdul Rahman.
SMF	:	Siapakah nama isteri Encik?
RM	:	Nama isteri Nuraini Mohamad Yusof.
SMF	:	Isteri Encik berasal daripada mana?
RM	:	Kampung Jelor, Pasir Puteh
SMF	:	Apakah pekerjaan isteri Encik?
RM	:	Bekerja sebagai suri rumah.
SMF	:	Adakah Encik mempunyai anak?
RM	:	Enam [6 orang anak]. Empat lelaki, dua perempuan.
SMF	:	Adakah Encik masih mempunyai anak yang masih belajar?
RM	:	<i>Loni</i> [sekarang] tiga yang sudah habis belajar. Seorang di UiTM Shah Alam, seorang lagi di UMS Universiti Malaysia Sabah, kemudian yang ketiga tak

	sambung ke mana-mana sebab dia duduk di Akademi Bola Sepak dahulunya. Pernah bermain bola sepak dengan Shahzam Muda dalam Liga Malaysia.
SMF	: Apakah pekerjaan anak anak Encik?
RM	: Tak ada yang bekerja. Habis belajar dan tidak bekerja lagi. Baru-baru ini menjadi guru sandaran di Sekolah Menengah Sri Aman. Anak yang kedua.
SMF	: Adakah Encik sudah mempunyai anak yang sudah berkahwin?
RM	: Tak ada yang berkahwin.
SMF	: Apakah minat Encik bagi mengisi masa yang terluang?
RM	: <i>Abe</i> [abang] Li sekarang tidak mengisi masa yang terluang. Kadang-kadang kalau terluang sangat membawa kail ke tepi sungai.
SMF	: Apakah cita cita sebenar Encik ?
RM	: <i>Abe</i> [abang] Li pernah pergi temuduga cikgu. Tiga kali pergi temuduga tetapi tidak berjaya sebab mungkin rezeki <i>Abe</i> [abang] Li disini. Tidak sebagai cikgu. Itu pun <i>Abe</i> [abang] Li tidak menganggap ia sebagai satu cita-cita tetapi suatu kebetulan kerana selepas habis sekolah baru merasa hendak menjadi cikgu. Bila minta baru niat nak menjadi cikgu. (bunyi pen) Tetapi tiada rezeki menjadi cikgu. Rezeki di sini. (bunyi pen) Alhamdulillah.

SMF	:	Adakah Encik pernah bersemuka dengan Tok Janggut?
RM	:	Tidak pernah. <i>seribu sembilan ratus lima belas</i> [tahun 1915]. [Tok Janggut lahir tahun 1915]. <i>Abe</i> [abang] Li lahir tahun 1966 (bunyi pen).
SMF	:	Adakah encik mengamalkan ilmu seni mempertahankan diri seperti Tok Janggut?
RM	:	<i>Hoktu lah</i> [begitulah] kalau <i>Abe</i> [abang] Li pernah kata kepada orang lain bahawa untuk mengakui <i>Abe</i> [abang] Li ni memiliki darah Tok Janggut itu pun rasa tak sesuai sangat lah nak mengaku sebab <i>Abe</i> [abang] Li tidak pernah memiliki mahupun ilmu kependekaran, apatah lagi ilmu agama begitu tinggi yang ada pada Tok Janggut. Beliau belajar hingga ke Mekah dan <i>Abe</i> [abang] Li pun sembahyang tak seberapa sempurna, nak membaca Al-Quran tak berapa pandai. Selepas itu, nak <i>compare</i> [banding] dengan Tok Janggut jauh sama sekali. <i>Abe</i> [abang] Li tidak pernah mengamalkan apa-apa ilmu sebab <i>Abe</i> [abang] Li pun tidak pernah diperturunkan oleh orang tua sebarang ilmu yang mungkin itu warisan daripada Tok janggut. Tidak mengamalkan apa-apa. Ilmu mempertahankan diri tidak ada, apatah lagi ilmu agama. Sebagai orang kampung <i>Abe</i> [abang] Li belajar Tomoi, <i>boxing</i> [tinju] dan silat <i>Abe</i> [abang] Li belajar tapi tidak kata itu adalah warisan daripada Tok Janggut.
SMF	:	Mengapakah Encik merupakan salah seorang keturunan Tok Janggut?
RM	:	Macam <i>Abe</i> [abang] Li kata sebelum ini, <i>Abe</i> [abang] Li diceritakan oleh orang

	<p>tua secara turun-temurun mengatakan <i>Abe</i> [abang] Li adalah cicit saudara arwah Tok Janggut. Sebab <i>Abe</i> [abang] Li handak mencari bahan bukti memang tidak ada sebab selepas Tok Janggut meninggal pada <i>dua puluh lima haribulan Mei seribu sembilan ratus lima belas</i> [25/5/1915] kebanyakan keluarga, anak-beranak <i>kena</i> [terpaksa] lari tidak boleh ishtihar sebagai ada hubungan kekeluargaan dengan Tok Janggut kerana <i>orang putih</i> [orang Inggeris] ini sama dengan orang perancis, sama dengan orang Eropah mereka pendendam. <i>Demo tu</i> [Mereka] semua memang pendendam. Kalau mereka tahu <i>Abe</i> [abang] Li ini ada waris dengan Tok Janggut maka mereka akan tangkap dan akan dihukum lah. Dia akan tetap cari. Selepas kematian Tok Janggut ada yang menggunakan jalan laut, keluarga menggunakan jalan laut lari dan dikatakan memasuki enam buah kuala. Dalam satu konvoi ada yang masuk <i>kuala depan</i> [memasuki kuala dari arah depan]. Contoh nya ada yang masuk Kuala Besut, ada yang masuk Kuala Terengganu, ada yang masuk sampai ke Temasik di Kemaman sehingga yang terakhir di Mersing. Ada lagi keluarga <i>Abe</i> [abang] Li yang duduk di mersing sampai ke hari ini. .</p>
SMF	: Pernahkah encik di temuramah oleh orang lain mengenai Tok Janggut sebelum ini?
RM	: Pernah sangat lah. Untuk Astro pernah buat. Kalau pelajar banyak sangat. UiTM Machang pun hamper setiap tahun ada. Kemudian hampir juga setiap tahun daripada UMK. Untuk <i>student</i> [pelajar] memang popular. Cukup-cukup popular.

SMF	: Adakah Encik pernah pergi melawat tempat yang didiami oleh Tok Janggut?
RM	: Kubur yang rasminya di Pasir Pekan lah. <i>Abe</i> [abang] Li pernah pergi melawat. <i>Loni</i> [sekarang] di katakan selepas daripada Tok Janggut mati rumah dia dibakar. Kemudian tidak diketahui secara jelas mana sebenarnya tapak rumah dia. Katanya di Kampung Darang Buaya, di Batu Hitam. Dan Darang Buaya, di Batu Hitam ni dengan Kampung Dale Pupuh tempat Tok Janggut buat mesyuarat, Tok Janggut menghimpun segala orang dikatakan Dale Pupuh. Bukan di Kampung Tok Akit, di Merbong dekat dengan kubur Merbong. Jadi jarak Kampung Batu Hitam ni dengan Tok Akit ni bersempadan dengan <i>bendang makna bendang, sungai rasa tu lah</i> [bendang dan sungai itu sempadan]. Jadi kena seberang sungai. Itu yang diberitahu, <i>Abe</i> [abang] Li pun tak pasti mana sebenar lokasi rumah Tok Janggut.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG TOK JANGGUT

SMF	:	Apakah nama sebenar Tok Janggut?
RM	:	Nama Tok Janggut ialah Haji Mat Hassan bin Panglima Munas.
SMF	:	Berapa jumlah adik beradik Tok Janggut?
RM	:	Adik beradik dikatakan ada lima orang. Empat lelaki seorang perempuan.
SMF	:	Adakah Tok Janggut mempunyai pertalian darah dengan kerabat diraja?
RM	:	Mm tidak ada.
SMF	:	Apakah barang-barang peninggalan yang telah dijumpai oleh Encik?
RM	:	Dahulunya ada. Ada seorang tapi mati dah dia pegang keris Tok Janggut yang dikatakan keris itulah yang menikam Sarjan Che Wan. Ada di tangan dia dahulunya. Kemudian selepas dia mati, dia tidak ada anak. Dia ni cucu saudara arwah Tok Janggut. Peringkat Ayah <i>Abe</i> [abang] Li lah. <i>Abe</i> [abang] Li pernah tengok keris itu, pernah pegang keris itu. Aaa kemudian entah macam mana hilang dengan begitu selepas daripada dia mati. Dia tidak ada anak tetapi mengambil <i>pero</i> [menjaga] anak orang. Selepas dia <i>pero</i> [menjaga] anak orang, jadi dikatakan <i>kawe</i> [dia] tu yang ambil keris pergi jual. Tidak dapat dikesan

dimana keris itu. Kemudian selepas daripada dia mati, kemungkinan orang mengatakan dia tu jual dan tidak tahu di mana. Dikatakan mula-mula dia tu jual keris dan pembeli itu kena hantar balik dan tidak tahu apa terjadi pada keris itu. Keris Tok Janggut ni banyak bukan satu. Cuma *hok*[yang] paling popular Keris Anak Alam. Keris inilah yang ada pada arwah Poksu Sulaiman. Anak Alam itulah yang membunuh Sarjan Che Wan. Dikatakan Anak Alam ini pelik. Kalau bukan anak beranak tidak boleh pegang sebarang, dan juga pertalian darah tidak boleh pegang. Sebab itu lah kalau jual keris itu kena hantar balik. Tetapi hantar balik dia jual *pulok* [menjualnya sekali lagi]. Tidak tahu jadi macam mana jadi hilang. Ada lagi keris yang lain, ada duduk di Temasik pun ada. Sebab Arwah Tok Janggut ni pernah pesan setiap anak dan cucu dia. Maksudnya anak saudara sebab dia tidak mempunyai anak. Apabila dia sudah tiada dia pesan kepada orang mengatakan "*mu bowok lari lah anak aku wak g koknuh. Wak pergilah mana mana tolong bawa lari dan bawa sebilah keris untuk jaga*"[kamu bawa lari anak aku bersamamu ke sana dan bawa sebilah keris]. Kalau orang *hok*[yang] lari sampai ke Mesir pun tetap akan bawa sebilah keris. Sebab keris Tok Janggut ini banyak, senjata Tok Janggut banyak, banyak sungguh. Dan Tok Janggut gali seperti kubur, seluas kubur dan dia letak semua senjata dalam lubang. Kalau askar Inggeris menyerang dia akan masuk dalam kubur itu dan akan ambil senjata. Lubang itu di Kampung Cherang Tuli. Lubang ini semua senjata dikumpul. Maknanya senjata dia cukup banyak. Salah satu ialah setiap orang cucu atau anak dia akan dibekalkan sebilah keris. Kalau

	<p><i>kawe</i>[seseorang] ni mendakwa memiliki keris Tok janggut kita kena kata betul. Kerana banyak. Bukan sebilah. Ada duduk dengan adik <i>Abe</i> [abang] Li sendiri ada sebilah. <i>Abe</i> [abang] Li pernah ambil dan buat pameran di muzium. Selepas itu ambil balik dan <i>kawe</i>[keris tersebut] itu tidak mahu duduk lama-lama. <i>Abe</i> [abang] Li pun tidak suka benda <i>laguni</i>[macam ini]. <i>Abe</i> [abang] Li tak <i>berehi</i>[suka] dengan benda yang menjadi karut, benda macam ini menjadi tahyul. Jadi <i>Abe</i> [abang] Li malas hendak melarang. <i>Abe</i> [abang] Li tidak ambil tahu. <i>Demo</i>[kamu] pegang kena buat <i>berasap</i>[upacara memuja], kena buat buah limau <i>Abe</i> [abang] Li tidak suka lah. Bukan <i>peseng</i>[cara] <i>Abe</i> [abang] Li nak layan keris.</p>
SMF	: Mengapakah beliau diberi gelaran Tok Janggut?
RM	: Orang Kelantan kalau seorang ulamak ataupun seorang Tok Guru, kita akan sebut Tok. Seperti Tok Kenali, Tok Selehung dan ramai lah tok. Seorang ulamak kita panggil Tok. Tok tu Tok ni. Bagi Tok janggut, dia dikenali sebagai Tok Janggut kerana janggut dia itu. Janggut dia panjang. Disebut sebagai tok kerana dia seorang ulamak. Itu lah sebab dia mendapat gelaran Tok Janggut.
SMF	: Mengapakah Tok Janggut membela janggut hingga ke paras dada?
RM	: Dikatakan paras sehingga ke riba.
SMF	: Dari manakah asal Tok Janggut?

RM	:	Asal di sini, di Pasir Puteh. Maknanya kalau kita dengar Tok Janggut ini dengan Daerah Jeram. Tok Janggut asal Jeram. Bukan Kampung Jeram sebenarnya Daerah Jeram. Daerah Jeram itu sekarang pun masih kekal dengan daerah juga. Daerah Penggawa. Sebab Istana dia, Istana Tengku Besar. Istana Tengku Sri Maharaja. Panglima dia adalah Panglima Munas. Kemudian Tengku Sri Maharaja mangkat dan naik pula anak dia iaitu Engku Besar. Apabila Panglima Munas mati naik pula Tok Janggut sebagai Panglima. Kerana keturunan. Jadi istana ini berada di Kampung Jeram. Tahun <i>80an</i> [sekitar tahun 1980]. <i>Sembilan belas lapan puluh</i> [tahun 1980] dulu boleh lagi dilihat kesan dia. Tapi sekarang entah bagaimana naik hutan. Tapak dan kayu habis orang ambil. Keluarga mereka membahagi tanah dan sekarang sudah tidak ada. Sebab, selepas Tok Janggut mati, Engku Besar dibawa oleh orang lah. Ada orang lain membawa Engku Besar dan tidak kembali. Bukan tidak kembali mungkin kembali dengan identiti lain.
SMF	:	Betulkah Tok Janggut pernah belajar di Mekah?
RM	:	Ya betul. Anak murid ada Syeikh Ahmad Fatoni. Beliau ialah anak murid kepada Syeikh Daud Fatoni. Syeikh Ahmad mengajar di Mekah dan Tok Janggut adalah salah seorang murid dia.
SMF	:	Siapakah isteri Tok Janggut?
RM	:	Ok. Tok Janggut ada isteri nama Staja. <i>Acu</i> [cuba] tulis Staja. <i>Abe</i> [abang] Li nak

	<p><i>royak</i>[cakap] nama sebenar. <i>Staja</i>[Siti Hajar] orang Kelantan <i>sebut</i>[panggil] <i>Staja</i>[Siti Hajar]. Sebenarnya nama dia Siti Hajar. Orang kita senang <i>disebut</i>[dipanggil]. Tetapi tidak ada anak. Tidak dikurniakan zuriat kerana Tok Janggut ini ada penyakit di alat kelamin. Tidak mungkin ia mendapat zuriat.</p>
SMF	: Apakah seni pertahanan diri yang diamalkan oleh Tok Janggut?
RM	<p><i>Abe</i> [abang] Li pun tidak pasti <i>lagumana</i>[bagaimana] Cuma dikatakan ada yang menyebut bahawa Tok Janggut ni belajar ilmu persilatan. Dengan seorang Tok Guru. Tok Guru itu Panglima di Istana Legeh. Nama dia Datuk Mingkung Bujur dari Istana Legeh. Jadi mungkin arwah ayah dialah suruh [pencerita sebagai ayah Tok janggut] “<i>mu gi belaja sinih dengan ore nih</i>” [Ayah Tok Janggut berpesan kepadanya] Datuk Mingkung ini seorang panglima. Jadi dia belajar dengan Datuk Mingkung. Datuk Mingkung Bujur, entah macam mana dapat nama sebegitu. Tidak mengapalah. <i>Abe</i> [abang] Li nak cakap sempadan negeri <i>sakni</i>[tadi]. Sempadan negerri Kota Bharu bermula daripada Kampung Limbat di Pasir Tumbuh sehingga ke Jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat dan rantau Panjang lah. Takbai ini sebelum daripada Persetian Bangkok 1909, selepas dari itu Takbai diserahkan kepada _ Kemudian <i>alik ni</i>[menunjukkan bermulanya tempat] <i>alikh</i>[di] Pasir Puteh bermula daripada Limbat, Melor, Ketereh, Machang, Pasir Puteh sendiri, sebahagian Besut sehingga ke, dan habislah Machang. Kemudian Legeh, apa ini, Jajahan Legeh, Tanah Merah, Jeli, Kuala</p>

	<p>Krai, sampai ke Gua Musang. Kemudian kita akan bertemu di satu tempat kita panggil Lakota. Rajin dengar? Lakota itu Lakkota. Orang Kelantan sebut <i>Lak</i>[yang terakhir]. (<i>Haa sinilah Lak deh. Pergi jauh dan kembali di sini lah Lak dia, Lakkota. Sambung Kota kepada Legeh nya adalah di Lakkota</i>)[di sinilah yang terakhir. Pergi kesana dan kembali disini ialah pengakhiran tempat. Bersambung Kota hingga Legeh adalah Lakkota, yang terakhir]. Sebenarnya Lakota ini ialah sempadan.</p>
SMF	: Di manakah Tok Janggut dikuburkan?
RM	<p>Kubur yang rasmi adalah di Pasir Pekan itulah. Kemudian ada satu versi lain yang mengatakan kubur Tok Janggut berada di Kampung Hutan Putih, Machang. <i>Abe</i> [abang] Li pun tak pasti tak pernah pergi melawat, versi cerita yang agak celarulah. Jadi <i>Abe</i> [abang] Li secara peribadinya tidak, kurang bersetujulah, bahawa Tok Janggut ini ada satu kubur lain selain daripada kubur di Pasir Pekan. Secara peribadi la <i>deh</i>[ya]. Bukan kata <i>Abe</i> [abang] Li suruh setuju dengan <i>Abe</i> [abang] Li tidak. Sebab versi, apa sahaja versi yang nak dibawa <i>Abe</i> [abang] Li terima <i>belaka</i>[semua] cerita.</p>
SMF	: Apakah ilmu agama yang diamalkan Tok Janggut?
RM	<p>Eh dia! Semua lah. Tok Janggut ini dia mengajar syariah. Dia banyak mengajar syariah. Katanya mengajar syariah sahaja. Maksudnya syariah, kita ada thariqat, kita haqiqat, dan macam-macam lagi ilmu agama. Tetapi yang diajar oleh Tok</p>

	Janggutnya katanya cuma syariah. Contohnya usuluddin, feqah dan sebagainya. Itu ilmu Syariah.
SMF	: Siapakah tokoh atau panglima yang seangkatan dengan Tok Janggut pada ketika itu?
RM	: Haa. Tokohnya terlalu ramailah. Dan salah seorangnya ialah Tok Nik Abbas. Rumah dia di Kampung Tok Akid. Di Kampung Tok Akitx rumah dialah dijadikan tempat bermesyuarat, tempat berhimpun, tempat mengatur strategi dan sebagainya. Kemudian Sarjan Che Wan pergi serbu dan Sarjan Che Wan berlaku pertelingkahan, bila dia pergi nak <i>igat</i> [tangkap] Tok Janggut dengan Engku Besar. Dia ambil juga Engku Besar bawa pergi. Jadi Tok Janggut kata <i>"tak leh ko pergi siang-siang bakpo male nak gi balai polis? Kita gi la alik siang-siang hari"</i> [tak boleh ke kalau pergi ke balai polis pada siang hari? Tok Janggut bertanya kepada Sarjan Che Wan]. Selepas itu kata sarjan Che Wan <i>"tak boleh kena gi slalu, male ni slalu kena gi"</i> [Sarjan Che Wan menjawab tidak boleh, malam ini juga kena pergi]. Jadi Tok Janggut kata tak mengapalah kita pergi. Jadi dia minta, Tok Janggut ini minta Sarjan Che Wan berjalan didepan. Supaya orang kampung tidak menganggap Tok Janggut ini ditangkap. Dia kata Che Wan <i>"jale depe lah bianya ambo turut"</i> [Tok Janggut menyuruh Che Wan berjalan di depan, saya dibelakang]. Baik orang kampung tidak kata Tok Janggut kena <i>igat</i> [tangkap]. Kalau Tok Janggut berada di depan, dia duduk belakang maka Tok Janggut kena <i>igat</i> [tangkap], Nampak tak? Tok Janggut dengan Engku Besar dua orang bukan seorang, dengan Raja. Dia kata pergi

jalan ke depan. Dia kata Che Wan jalan di depan biar *ambo*[saya] turut. *Pasal*[sebab] orang kampung kata *ambo*[saya] kena *igat*[tangkap] takut orang kampung marah ko Che Wan jadi kijo[masalah] lah dia kata. Che Wan *mugo*[kerana] dia agak[sombong]. Kerana *polis ini ritu pah ko lo nak oyak bui*[dulu sampai sekarang nak cakap]. Polis itu diajar supaya *agah*[sombong]. Mana ada polis tidak sombong, rajin jumpa tak? *Polis pah ko lo agah gitu. Jak dulu dulu pah ko lo. Agah sokmo.*[polis sejak dulu sampai sekarang sombong]. Polis dia merasa *biso*[berkuasa], dia duk *gamok*[menganggap] pistol dia ni jaga dia. Yang jaga sebenar orang ini adalah Tuhan bukan pistol itu. Kemudian letak Tok Janggut di depan juga. Dia halau Tok Janggut berada di depan. Apabila Tok Janggut berada didepan dan berpaling menikam. Menikam satu dengan tikaman tiga belas *liye*[lubang]. Kena ingat Tok Janggut tikam Sarjan Che Wan sekali, tapi lubang diperut Sarjan Che Wan sebanyak tiga belas *liye*[lubang]. *Liye*[lubang] tikaman. Nak *royak*[cakap] kecepatan dia. Bergerak cepat. Jadi peluru pistol pun tidak *dea*[sempat] dengan kecepatan memang tidak sempat. Sesaat berapa liang. Jadi boleh bilang dengan saat. Jadi Che Wan rebah disini dengan dua orang anggota polis lagi lari, dan Tok Janggut ini merampas senjata. Tok Nik Abbas ada, kita ada Pok Ya Lubuk Kawoh, kita ada Tok Penghulu Adam ataupun Tok Adam, Tok Penghulu Kampung Sura dekat dengan bulatan. Tok Penghulu Adam orang di sini. Jadi orang kata *demoni*[mereka ini] memiliki ilmu kependekaran yang sama dengan Tok Janggut. Cuma menyerahkan pentadbiran Pasir Pekan kepada Tok Janggut kerana Tok Janggut lebih senior

	berusia enam puluh lima tahun pada ketika itu.
SMF	: Bolehkah encik berkongsi serba sedikit tentang perjalanan hidup Tok Janggut?
RM	: Tak banyak cerita <i>Abe</i> [abang] Li tahu. Cuma yang <i>Abe</i> [abang] Li tahunya pada zaman kanak –kanak dia itu, dia tidak ada benda atau mainan lain. Orang zaman <i>ritu</i> [dahulu] dia bermain gasing, main yung. Dia tidak <i>dea</i> [sempat] nak ikut. Pertama dia berada di istana, dia orang istana duduk dengan ayah dia di Istana Jeram. Kemudian ayah dia nya <i>perap</i> [mengurung] supaya banyak benda yang dia kena belajar, terutamanya belajar ilmu agama, ilmu kependekaran, ilmu silat, dia orang yang lebih kepada belajar. Kesempatan untuk dia bermain tidak ada. Itu yang dikatakan Tok Janggut ini orang yang cukup-cukup berilmu.
SMF	: Adakah terdapat sebuah kelab yang ditubuhkan untuk mengkaji tentang Tok Janggut?
RM	: Yang mengkajinya tidak ada. Dulu kita tubuh tapi tidak berjalan. Tubuh <i>mace</i> [seperti] Waris Tok Janggut, keluarganya ada tujuh. <i>Mace</i> [seperti] kelab barunya banyak tapi tidak berjalan. Selepas itu, ada pula <i>koya</i> [berangan] nak buat sampai peringkat yayasan. Jadi <i>Abe</i> [abang] Li nya kalau <i>demo</i> [mereka] nak buat benda nya <i>Abe</i> [abang] Li yang baik <i>Abe</i> [abang] Li tidak menghalang, malas nak cakap apa-apa, Cuma kalau <i>demo</i> [mereka] nak kita tolong-tolong pikul InsyaAllah boleh, <i>Abe</i> [abang] Li bersedia <i>sokmō</i> [sentiasa]. Cuma untuk <i>Abe</i> [abang] Li berada di depan itu, <i>Abe</i> [abang] Li rasa <i>Abe</i> [abang] Li tak

	<p>layak, ada orang lain yang lebih layak, ramai lagi keluarga Tok Janggutnya. Cuma <i>Abe</i> [abang] Li ini lebih popular sebenarnya. Sebab <i>Abe</i> [abang] Li pertamanya, <i>Abe</i> [abang] Li boleh <i>kecek</i>[bercakap] secara lancar, selepas itu <i>Abe</i> [abang] Li lebih terkedepan. <i>Disini pun ada cace-cace yang berjalan itu. Itu juga cicit saudara, sama. Itu yang cace sorang</i>[beberapa orang yang berdiri dan berjalan dalam pejabat itu]. Dia bekerja <i>driver</i>[pemandu] disini. Dalam Majlis Daerah ada dua atau tiga orang <i>Abe</i> [abang] Li, dia, selepas itu Wan Azhar, ramai. Didalam pejabat <i>Abe</i> [abang] Li tiga orang. Maknanya nak suruh dia <i>kecek</i>[bercakap], nak suruh dia <i>jelujur</i>[cerita] sejarah, dia pun pertama tidak tahu, kedua dia tidak lancar <i>kecek</i>[cakap] seperti <i>Abe</i> [abang] Li. <i>Abe</i> [abang] Li ini kebetulan masa Arwah Profesor Dr: Nik Anuar ada lagi, <i>Abe</i> [abang] Li sudah pernah buat pameran dengan Polis di Kampung Tok Janggut sendiri, di Kampung Tok Nik Abbas itu penuh kita buat pameran. Kemudian <i>tauke</i>[juri] <i>briefing</i>[menerangkan] Arwah Profesor. Dr Nik Anuar menyuruh <i>Abe</i> [abang] Li <i>briefing</i>[menerangkan] orang ramai disitu, jadi secara tidak langsung <i>Abe</i> [abang] Li terkedepan <i>sokmo</i>[sentiasa].</p>
SMF	: Apakah peristiwa yang melibatkan Tok Janggut yang Encik tahu?
RM	: Peristiwa yang besar sehingga mencetus perangnya adalah pembunuhan Sarjan Che Wan itulah. Itu peristiwa yang terbesar. Kemudian pencetus perangnya banyak, Perang Gedebe Itik, sampai ke Kampung Dalam Pupuh, Cerang Tuli, Padang didepan itu dekat dengan stadium tempat Tok Janggut. Pejabat tanah

	<p>disini juga, ini lokasi pejabat tanah depan hutan. Itu lokasi pejabat tanah yang asal. Kemudian padang itu di situ lah padang. Padang didepan ini. Padang ini dahulu memuatkan dua buah padang bola, padang yang cukup luas. Kemudian apabila buat mini stadium, <i>sor</i>[satu] lagi nak buat medan selera rasanya. Cuma selepas pada berlaku peristiwa Pengusiran, semua kakitangan Inggeris yang berada di Pasir Puteh ini termasuk polis dan sebagainya, Tok Janggut berkhemah di padang dan mengisytiharkan bahawa Engku Besar sebagai Sultan atau Raja dan mengisytiharkan dirinya sebagai Pendana Menteri. Kerika itu. Kerana kita sudah pun merdeka, tidak ada semuanya. Ini sebenarnya berikutan rentetan kepada Persetiaan Bangkok <i>sembilan belas kosong sembilan</i>[tahun 1909] itu yang sebenarnya. Apabila berlakunya Persetiaan itu, Perjanjian Bangkok ataupun Persetiaan Bangkok samalah, menjadikan Kelantan ini di bawah Inggeris. Maka Tok Janggut isytihar <i>baloh</i>[perang]. Jadi bila dihalau di isytihar pula bahawa kita sudah merdeka, kita bebas daripada pemerintahan. Pertama pemerintahan daripada orang kafir yang bukan beragama islam.</p>
SMF	: Apakah perjuangan yang dibawa oleh Tok Janggut?
RM	: Maksudnya, kenapa dia menentang Inggeris? Tok Janggut menentang Inggeris ini kerana dia sendiri. Bukan kerana cukai, maknanya itu bukan <i>maulthoq</i> [tujuan utama], bukan <i>core bisnes</i> [tujuan utama] kepada perjuangan ini. <i>Core bisnes</i> [tujuan utama] ini adalah haram orang islam berada dibawah pemerintahan orang kafir, itu adalah core bisnesnya. Jadi dia mencari satu sebab

untuk menentang Inggeris dengan menentang cukai. Tetapi sebenarnya, cukai pada ketika itu memang terlalu tinggi lah, betul lah kalau dia lawan, memang betul. Maknanya cukai pada ketika itu, lebih kurang GST[Government Service Tax] sekarang lah. Memang cukup-cukup menekan rakyat. Cukai sampai ke sireh, kambing, sayur, padi, beras habis kena cukai, maknanya Inggeris mengenakan cukai kepada benda-benda *dominant*[penting] seperti beras kena cukai yang tinggi. Semua orang kena makan beras kan? Kena makan nasi. Sama juga seperti sekarang, menaikkan harga minyak. Minyak adalah barang yang paling *dominant*[penting], maknanya ini adalah salah satu kerajaan mengutip sebanyak mungkin daripada rakyat iaitu melalui cukai kepada menaikkan harga benda itu. Walaupun tidak secara langsung sebagai cukai. Tetapi kalau dia menaikkan cukai rokok, orang boleh *break*[berhenti] merokok, kalau dia naik harga gula, siapa boleh *break*[berhenti] beli gula? Menaikkan harga minyak masak, siapa boleh *break*[berhenti]? Tak payah makan lah minyak masak. Mana ada. Menaikkan harga petrol. Tak payah naik kereta lah. Ada? Tak akan begitu, mesti kena guna. Maknanya satu bahan yang dominand di naikkan. Pada zaman itu mengenakan cukai yang tinggi ke atas beras, benda-benda yang dominand disebabkan benda-benda lain turut sama berlaku. Tercukai secara tak langsung. Tok Janggut tidak suka lah sebab rasa nak cukai mereka cukai, maknanya ini cara Inggeris memerintah pada ketika itu. Pemerintahan yang cukup-cukup menyeksakan rakyat. Jadi Tok Janggut menentang cukai. Menentang cukai itu sebagai nilai tambah kepada perjuangan sedia ada. Nilai tambah kepada

	<p>penentangan yang telah sedia ada dalam diri Tok Janggut iaitu menentang siapa sahaja pemerintah yang bukan daripada kalangan orang islam. Haram orang islam berada dibawah pemerintahan orang kafir. Itu Syeikh Khairil Afendi fatwa yang dikeluarkan daripadanya iaitu Syeikhul Islam daripada Turki. Sebab masa itu kerajaan Turki Uthmaniah. Segala benda yang berkaitan dengan islam kita akan rujuk kepada Kerajaan Turki itu. Maksudnya kalau fatwa dikeluarkan oleh kerajaan Turki Uthmaniah maka ini adalah fatwa kepada seluruh umat islam di dunia. Jadi Syeikh Khairil Afendi memfatwakan bahawa haram orang islam berada dibawah pemerintahan orang kafir dan kita tidak boleh sama sekali membantu siapa sahaja mana-mana kerajaan yang sedang berperang menentang Turki. Pada ketika itu German menentang Turki dan Inggeris membantu German untuk menentang Turki. Jadi secara tidak langsung Inggeris juga sedang menentang Turki secara <i>total</i>[menyeluruh]. Jadi kerajaan Turki mengishtiharkan Inggeri ini sebagai musuh selain daripada German itu sendiri. Kalau dia memerintah orang kita sendiri, maksudnya haram kita berada dibawah pemerintahannya. Wajib kita tentang. Itu falsafah, bukan falsafah sebenarnya. Itu pengangan dia, yang wajib haling.</p>
SMF	: Apakah jihad yang telah dibawa oleh Tok Janggut?
RM	: Itulah. Jihad menentang (bunyi pen) kerajaan bukan islam. Pemerintahan ke atas orang bukan islam. Antara yang cukup-cukup terasanya penekanan ekonomi cukai. Cukai keatas rakyat terhadap bahan yang <i>dominant</i> [penting]. Bahan-

		bahan yang utama, makanan yang utama. Rasa cukup-cukup terbeban lah.
SMF	:	Mengapakah kebangkitan Tok Janggut menyebabkan sultan Kelantan berasa terancam?
RM	:	Ceritanya macam ini. Sultannya tidak ada apa-apa rasa, selain daripada setiap surat, war-warkan penangkapan Tok Janggut. Ini penekanan kepada Sultan, disuruh buat benda ini, ini semuanya ditekan oleh Inggeris, tidak ada maksudnya Sultan kita nak ishtihar Tok Janggut ini sebagai penderhaka contohnya. Ini yang dikatakan keluar daripada istana betul lah. Memang keluar daripada istana. Istana yang mengatakan Tok janggut ini seorang penderhaka. Mengapa Istana mengeluarkan statement seperti itu? Kerana ditekankan oleh pihak Inggeris. Inggeris yang menekan supaya mengatakan Tok Janggut ini sebagai penderhaka. Jadi tidak ada maksud Istana yang menyatakan seperti itu. Tetapi membawa kalam yang dikeluarkan oleh Inggeris atau Penasihat Inggeris itu sendiri. Nama Penasihat Inggeris itu adalah Langham Carter. Penasihat Istana pada ketika itu.

SMF	:	Adakah Tok Janggut mengumpulkan orang dari Kelantan sahaja atau negeri lain juga ada terlibat?
RM	:	Macam ini. Nak kata Kelantan sahaja tidak juga sebab ia sampai ke permaisuri, ada sampai ke setiu. Setiu itu <i>pure</i> [asli] Terengganu lah. Besut masih di bawah

	<p>Kelantan. Maknanya Besut walaupun ketika itu duduk dibawah Terengganu dah. Tetapi orang Besut sendiri tidak kata ia sebagai orang besut pada ketika itu tetapi mengata ia orang Kelantan. Walaupun ia satu jajahan lain, cuma ada sebahagian pacakan. Sempadan in dipacakan, pacakan ini di Semerak, jalan nak pergi ke Kuala Besut, Terengganu. Pacakan itu diukur daripada Bukit Yong ke laut. Dia ukur. Naik Bukit Yong ok. Bukit Yong sempadan Kelantan dan Terengganu, kemudian diukur <i>nuh</i>[menunjukkan tempat] pacakan. Pacakan itu adalah pacak disitu. Itu sempadan. Pacakan di Semerak. Ok <i>sor</i>[satu] lagi pacakannya. Pacakan satu lagi di Narathiwat. Ia ukur juga <i>denun</i>[disana] pacakan. Disini pacakan dan sempadan Negeri Kelantan. Pacakan di Narathiwat dan pacakan di Kuala Besut.</p>
SMF	: Dari daerah manakah datangnya orang-orang Tok Janggut?
RM	: Setiu, Besut, Pasir Putih sendiri, dan Kuala Krai. Kuala Krai ini ada pemimpinnyalah, <i>Abe</i> [abang] Li pun tidak tahu siapa. Cuma dalam kalangan orang-orang yang sudah di <i>reward</i> [ganjaran] kan. Itu pemimpinnya mari dari Kuala Krai bersama Tok Janggut. Kemudian daripada Legeh, Istana Legeh di Tanah Merah. <i>Loni</i> [sekarang] jadi Tanah Merah.
SMF	: Adakah Tok janggut mendapat sokongan dari pembesar atau orang atasan?
RM	: <i>Yes</i> [ya]. Pembesar adalah Raja sendiri. Raja Jeram. Dia yang berada bersama dengan Tok Janggut. Maknanya, kalau Tok Janggut mati dia pun rela mati lah.

	<p>Sebab <i>selama kening</i>[sekian lama] dia lah yang memerintah, sebelum pada itu dia yang berkuasa atas rakyat Pasir Puteh, tiba-tiba datang Inggeris nak letak cukai itulah, <i>gonilah</i>[inilah] menjadi serabut. Selama ini aman damainya Tok Janggut menjaga dia. Tok Janggut dengan kuncu-kuncu menjaga keamanan. (<i>Mu nok kutik cukai sebanyak mana, mu boleh amik lah</i>)[kamu nak cukai sebanyak mana kamu ambillah], Tok Janggut boleh buat balik cukai dan bawa ke Istana. Ia ada Bendahara untuk menerima cukai daripada rakyat disini. Cukai sudah ada cuma tidak terlalu berat. Cukai boleh bawa balik bersama dengan <i>demo</i>[mereka] boleh buat macam-macam pembangunan, sebab Istana Jeram ini bila dipecahkan dua[2] kepada Long Ghaffar dan Long Yunus diberi kuasa autonomi[automatik]. Jadi bila ada kuasa seperti itu dia ada kuasa Financial Autonomis. Kutip cukai mengguna hasilnya tanpa merujuk kepada Istana Besar. Macam Majlis Daerah ini boleh megutip cukai dan menggunakan hasil kutipan itu. Itu kuasa Financial Autonomis dia panggil. Kuasa mentadbir kewangan. Jadi Istana Jeram memiliki kuasa ini. Tapi bila Inggeris datang dia letak cukai tinggi lagi daripada biasa dan membebankan rakyat. Jadi perjuangan Tok Janggut disokong seratus peratus oleh Istana Jeram iaitu Engku Besar.</p>
SMF	: Dimanakah tempat berkumpul atau markas orang-orang Tok Janggut?
RM	: Ok. Ia banyak. Markas yang pertama telah dibakar di Kampung Tok Nik Abbas. Kemudian ada lagi di Kampung Gong Saribulan. Nama kampong tak pernah dengar. Kampung ini bukan markas biasa, Gong Saribulan ini kalau kita pergi mengikuti Jelor, lepas Bukit Gedombok, hingga jalan Bachok ia ada satu tempat

	<p>yang agak terpencil sampai ke hari ini agak terpencil, tidak ada rumah disitu sekarang pun tidak ada rumah. Gong Saribulan bukan markas biasa. Ianya tempat berhimpun setiap <i>satu haribulan</i>[1hb] semua pendekar yang ada di Tanah Melayu dikatakan berhimpun di Gong Saribulan. Setiap <i>satu haribulan</i>[1hb] atas Gong itulah nak buat apa. Kemudian ada lagi satu markas iaitu di Tasik Gedombak, dekat dengan kampung Gong Saribulan juga ada Tasik Genombak. Kalau <i>loni</i>[sekarang] tak boleh nak bermain <i>kutbira</i>[ditepi] tasik itu sebab ada buaya. Jadi disitu pun ada markas dia. Kemudian di Cherang Tuli, dekat bernas, jalan nak pergi ke Kota Bharu. Di Sekolah Padang Pak Amat. Tidak ada dah markas itu sahaja.</p>
SMF	: Apakah tempat itu masih wujud sehingga sekarang?
RM	<p>: Tempat itu wujud lagi tetapi tidak meninggalkan kesan apa-apa lah. Sebab tempat itu tidak ditanam dan tidak boleh nak persalahkan siapa-siapa, nak persalahkan Jabatan Warisan tidak, nak persalahkan Perbadanan Muzium tidak, Majlis Daerah pun tidak, sebab ketiga-tiga ini tidak mengambil <i>action</i>[perhatian] <i>sikit habuk</i>[sama sekali]. Sekadar melepaskan batuk ditangga. Bukan <i>ekheh</i>[bunyi batuk] bukan, batuk gayung <i>tok-tok</i>[batuk dengan kuat], pecah la gayung itu. Batuk adalah gayung lepaskan maka pecahlah.</p>
SMF	: Berapakah jumlah pengikut Tok Janggut?
RM	<p>: Pengikut yang popular, yang besar-besar tidak ramai mana. Pengikut dikalangan</p>

	<p>pemimpin yang dikenakan <i>reward</i>[ganjaran], yang <i>wanted</i>[dikehendaki] kemudian <i>direwardkan</i>[bagi ganjaran]. Ada <i>limaratus</i>(500), ada <i>duaratuslimapuluh</i>(250), ada <i>seratuslimapuluh</i>[150], ada <i>seratus</i>[100] dan macam-macam. Antaranya ialah Lebai Kadir, Haji Sohok, yang mati bersama Tok Janggut nya ialah Lebai Kadir, Awe Donde, Mamat Pok Labuh, tak ingat dah Laki Semek tak tahu nama dia. Maksudnya nama dia boleh sebut nama dia dengan nama bini sekali. Orang zaman <i>ritu</i>[dahulu]. Ramai juga lah orang-orang yang utama, lebih daripada sepuluh (10) orang dikalangan orang kepimpinan. Maksudnya kalau dalam organisasi dia ni jawatan kuasa utama lah. Tidak kata pegang portfolio dapat jawatan kuasa tertinggi tidak.</p>
SMF	: Siapakah ketua Daerah di Pasir Puteh ketika itu?
RM	<p>Cik Latiff. <i>D.O</i> [District Officer-Pegawai Daerah] nama Cik Latiff. Kalau kita pergi ke Majlis Daerah ada disenarai nama. Kalau ada masa kita datang, <i>Abe</i> [abang] Li nak bawa masuk ke dalam bilik gerakan kita boleh buat catatan, kita ambil gambar. W.E Pepies, W.J Fara itu <i>D.O</i> [District Officer-Pegawai Daerah] Pasir Puteh. Dan yang berlaku penentangan Tok Janggutnya seorang lelaki berbangsa melayu nama dia Cik Latiff berasal dari Sibul. Kalau ada masa kita boleh pergi <i>snapp</i>[tangkap gambar] hari ini tidak sempat pukul 3.30.</p>
SMF	: Dimanakah peperangan itu berlaku?
RM	<p>Berlaku di Dalam Puhuh, yang itu paling popular. Tok janggut dikatakan gugur dan syahid di Kampung Dalam Puhuh, tapi ada lagi di Kampung Tok Akid, di</p>

		Debe Itik yang dekat-dekat dengan Kampung Saril, Kampung <i>tulo</i> [sama].
SMF	:	Peralatan yang macam manakah telah digunakan rakyat negeri kelantan bagi menentang musuh?
RM	:	Kitanya tidak takbir dengan keris sejengkal. Angkat keris sejengkal selepas itu takbir Allahuakbar, orang <i>sebatu tembak pow</i> [menembak dari jarak jauh]. Tidak begitu. Tok Janggut juga ada senjata api. Senjata api mula digunakan oleh orang melayu pada penghujung <i>tahun seribu lapan ratus</i> [tahun 1800]. Kalau kita google kita jumpa senjata api itu lah. Kita google <i>try</i> [cuba] rujuk Aceh. Senjata melayu. Peralatan yang macam manakah telah digunakan rakyat negeri kelantan bagi menentang musuh? [bertanya] ya. Maknanya walaupun pada masa itu senjata api tidak sangat popular, sebab benda itu tidak banyak tapi ada, Cuma seperti Tok Nik Abbas dia lebih suka guna parang dia lah. Tahun <i>sembilan puluh tujuh</i> [tahun 1997] cucu cicit Profesor. Dr Tok Nik Abbas ada lagi dan <i>tubik</i> [mengeluarkan] sebilah parang yang ramai gugur dengan parang itu. Meggunakan parang itu untuk menetak musuh. Dia pergi tetak <i>bodo</i> [tidak cerdik]. Maknanya kalau dia berani masuk pergi tetak orang itu orang ini bukan sebarang. Bagi orang Thailand, mereka kata orang Kelantan lebih berani daripada orang Thailand. Kita merasa <i>gerun</i> [takut] pada mereka sebab mereka ada pistol. Yang ada pistol penakut mereka kata, duk jauh piung tembak. Orang berani pergi mengadap ke depan.sama Tok Nik Abbas juga tidak suka menggunakan senjata api, dia suka menggunakan parang dia. Kalau dia nak pergi tebas[bunuh], kalau orang tembak. Apa yang terjadi pada dia? Mungkin Tok Nik Abbas ni <i>tokluk</i> [kebal], mungkin. Kalau <i>luk</i> [tidak kebal] tidak <i>dea</i> [sempat] kerana orang menggunakan <i>bedil</i> [pistol]. Berapa puluh orang yang rebah disebabkan dia. Selepas itu pergi tengok parang itu sudah tiada. Tanya cucu dia, <i>poknik duk mana pare?</i> [Pok Nik parang ada dekat mana?] " <i>Toktahu la aku wak gi kemana, sapo dio amik toktahu</i> "[tidak tahu pergi kemana parang itu, siapa ambil tak tahu]. Rumah Tok Nik Abbas itu bila dibakar tiang kesan

	<p>bakar itu <i>tepek</i>[ada] lagi dirumahnya. Dia buat rumah lain ada lagi kesan hangus. Selepas itu dia mengeluarkan satu lagi tiang dia simpan didalam rumah sebatang tiang yang hangus. Ada arang sedikit. <i>Loni</i>[sekarang] kalau <i>tepuh</i>[terkena] pada baju putih tidak <i>kora</i>[cemar]. Pakat <i>jamoh</i>[sentuh] sebab dibawa pergi ke tempat pameran. Kayu itu rapat di muzium. Tiang rumah yang masih ada tinggal arang sekerat. Kayu cengal.</p>
SMF	: Apakah senjata yang digunakan oleh British ketika itu?
RM	: British macam tadilah, memang dia datang dengan kelengkapan yang cukup - cukup baiklah. Itu yang dia utus armada laut datang tembak guna meriam cukup - cukup hebatlah. Kelengkapan dia cuma keberanian dan strategi perang yang ada pada Tok Janggut memungkinkan Inggeris terpaksa berundur. Strategi perang la, jangan bermain dengan orang Melayu kita ni <i>biso</i> [hebat], strategi dia entah macam mana kerana dia belajar Inggeris, belajar di Eropah ilmunya banyak, ilmu di Eropah tu banyak kerana dia ambil daripada perang Salib, dia ambil untuk dia jadi jangan lupa selebih daripada dia ambil tu masih ada lagi di, di Timur Tengah. Tok Janggut belajar sana. Maknannya ilmu itu, kalau ilmu dunia bukan sahaja ilmu agama, ilmu dunia pun dia belajar, maknannya kalau <i>demo</i> [mereka] tu PhD mungkin Tok Janggut PhD dah masa tu. Pasal dia belajar banyak.
SMF	: Apakah Sumber maklumat yang encik memberitahu kepada kami mengenai Tok janggut dapat daripada?
RM	: Ok, <i>Abe</i> [abang] Li rujuk arwah Professor Datuk Nik Anuar, itu sebagai sumber

	<p>tunggal, selain daripada ada juga sumber - sumber lain, daripada Pengarah Jabatan Warisan Malaysia, ketua pengarah dia iaitu Siri, Siri Neng Buah, orang gedio[apa] Siri Neng Buah dia orang Siam, orang Kelantan berketurunan Siam, jadi dia banyak bercerita pasal Tok Janggut, pasal sejarah Tok Janggut. Dan dia juga bercerita sebab itu dia boleh cerita orang Siam semua lari apabila ditembak, lari hingga ke Kampung Lara ada penempatan sampai ke Seligi hutan dulu, masuk ke hutan dan membuka penempatan orang Siam kerana lari dari ditembak dengan meriam. Jadi Siri[Siri Neng Buah] yang boleh bercerita.</p>
--	--

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3

SA	: Betulkah kisah Tok Janggut ini ada dua versi?
RM	: Betul, ada banyak versi. Salah satu versinya yang dibawa selain daripada yang mati dekat medan perang tu la, ada yang katanya pada tahun dua ribu empat belas (2014) dulu, dua ribu lima belas (2015) seratus(100) tahun, kalau dua ribu empat belas dulu(2014), ada yang mendakwa Tok Janggut ni cedera di pertempuran. Dalam pertempuran terakhir tu Tok Janggut cedera dan dibawa lari oleh seorang lelaki yang bernama Mat Kelubi ke Gua Musang kemudian sembuh dan balik ke Kota Bharu, balik mari [datang] semula ke Kota Bharu dia berkahwin dengan orang Kota Bharu dapat anak, okey baik itu secara ringkas. Kemudian Inggerisnya bawa satu mayat lain yang berjanggut juga kemudian diarak ke Kota Bharu, diarak ke Kota Bharu kemudian mengisytiharkan bahawa mayat ini adalah mayat Tok Janggut. Dia tunjuk <i>ko</i> [dekat] orang Kota Bharu. Secara logiknya, ore [orang] Kota Bahru menerima itu adalah Tok Janggut kerana <i>ore</i> [orang] Kota Bharu sendiri tidak pernah mengenali Tok Janggut secara dekat, dia tak tahu muka Tok Janggut tu <i>lagu mano</i> [macam mana]. Jadi apabila Inggeris bawa mayat yang berjanggut dan mengisytiharkan bahawa ini

adalah Tok Janggut maka *ore* [orang] Kota Bharu menerimanya sebagai Tok Janggut. Ini versi satu versilah sehinggalah Tok Janggut dikatakan mati biasa, mati sakit biasa kalau tarikh sembilan belas enam puluh sembilan (1969) dalam usia *kure - kure* [kurang - kurang] seratus (100) tahun, seratus dua puluh (120) sebab pada tahun sembilan belas lima belas (1915) tu dia sudah berusia enam puluh lima (65) tahun, acu [cuba] kira sembilan belas lima belas (1915) ke enam puluh sembilan (69), sembilan belas enam puluh sembilan (1969), lima puluh empat (54) tahun ataupun empat puluh empat (44) tahun, dok? [pelengkap ayat] lima belas (15) ke enam puluh sembilan (69), empat puluh empat tahun *deh* [kan] empat puluh empat tahun (44) mana kalau dicampur dengan usia enam puluh lima (65) tu, enam puluh lima (65) campur empat puluh empat (44), seratus sembilan belas (119), seratus sembilan belas (119) tahun, pada usia seratus sembilan belas (119) tahun Tok Janggut mati kalau di sebagaimana yang didakwa, mati pada tahun sembilan belas enam puluh sembilan (1969) cumanya dalam wacana dikata bertapa tidak bemarkuahnya keluarga Tok Janggut kerana gagal mencari keluarga dia *hok* [yang] ada di Pasir Puteh. Ada ramai, Pasir Puteh *bakpo* [kenapa] dia tidak pergi cari, kalau Tok Janggut betul - betul mati pada tahun sembilan belas enam puluh sembilan (1969). Akses dari Kota Bharu ke Pasir Puteh terlalu dekat, bukan kena berjalan kaki bukan kena sebagainya, perkhidmatan bas tu sudah ada, tapi *bakpo* [kenapa] *tokleh* [tak boleh] nak mari cari keluarga di Pasir Puteh, mustahil Tok Janggut tidak pernah bercerita, keluarga aku ni ada *duk* [duduk] sini sini (pencerita mengajuk percakapan Tok Janggut). Kalau Tok Janggut pernah bercerita begitu kepada keluarga dia *hok* [yang] di Kota Bharu bermakna sikit habuk[sedikit pun] *takdok* [tiada] darah perjuangan kerana tidak berani untuk tampil, ini *Abe* [abang] Li, peribadinya tidak menerimalah; *buke* [bukan] tidak menerima maknanya boleh dipertikaikanlah. Kalau *demo* [mereka] masih berkeras mengatakan itu sebenarnya gitu [macam] cerita, *Abe* [abang] Li pun terima *takdok* [tiada] masalah. Kalau Tok Janggut tak mati pun ketika tu pun okey, *takdok* [tiada] masalah. Cuma perjuangan yang lebih bemarkuah ialah perjuangan yang gugur

	di medan perang sebab mati mempertahankan Tanah Air mati <i>fisabilillah</i> , syahid bukan sebarang dan ganjaran dia tentu sekali syurga
SA	: Bolehkah Encik ceritakan sama ada Tok Janggut mati dibunuh atau meninggal dunia?
RM	: <i>Abe</i> [abang] Li suka lebih suka mati di medan perang. <i>Abe</i> [abang] Li lebih suka cara gitu [begitu].
SA	: Adakah benar cerita tentang mayat Tok Janggut di arak ke Kota Bharu setelah di bunuh?
RM	: Ya, betul tadilah.
SA	: Dimanakah lokasi mayat Tok Janggut digantung songsang?
RM	: Di padang bank dekat tambatan diraja. Dekat muzium kraftangan, Masjid Muhammadi, bank Kerapulah sebelah. Kerapu sebab dinding dia kerapu tu jadi bank Kerapu tu, padang pun dipanggil padang bank kerana logik <i>hok</i> [yang] tu lah. Kadang - kadang padang tempat kita dalam bandar pun kita panggil padang bank juga. Mana?(nada bertanya) Padang Bank. Yang sebenarnya padang bank tu ambil sempena nama <i>hok</i> [yang] tu jah [pelengkap ayat] padang tu jah [pelengkap ayat] bukan tiada kena mengena dengan bank pun sininya. Kalau Pasir Putehnya mana ada bank dok [pelengkap ayat]
SA	: Adakah gambar mayat Tok Janggut yang di peroleh perpustakaan Bodleian, Universiti Oxford, United Kingdom adalah benar?
RM	: Betullah lagu [macam] tu, itulah mayat Tok Janggut, sebab wajah dia wajah mayat ada iras dengan <i>muloh</i> [arwah] <i>tokcik</i> [moyang] <i>Abe</i> [abang] Li. Ada iras muka lebih kurang dengan mata besar <i>gitu</i> [begitu] badan bulat <i>prase</i> [perasan]

	<p>badan dia bulat dia tidur <i>netey</i> [melintang] <i>kae</i> [kan], dada dia tinggi, badan dia bulat bukan leper dok [pelengkap ayat] dada bidanglah, badan bulat <i>gitu</i> [begitu].</p>
SA	<p>: Apakah ada juga cerita mengenai Tok Janggut di luar negara?</p>
RM	<p>: Ada, ada daripada England sebab bahan sejarah bahan yang dipamerkan nur yang ada dalam buku baik yang ada dimana - mana gambar apa semua daripada Bodlein Library. Bodlein B-O-D-L-E-I-N Library di Universiti Oxford di London lah.</p>
SA	<p>: Pelbagai spekulasi mengenai kematian Tok Janggut yang timbul. Apakah pandangan Encik mengenai situasi ini?</p>
RM	<p>: <i>Abe</i> [abang] Li lebih suka merujuk kepada <i>hok</i> [yang] asallah apabila daripada orang tua <i>ritu</i> [dulu] pun dia kata Tok Janggut ni gugur di medan perang kemudian arwah Professor Doktor Nik Anuar pergi buat kajian pun mengatakan bahawa Tok Janggut ni gugur di medan perang kemudian Siri Neng Buah juga mengakui Tok Janggut gugur di medan perang jadi kalau yang mengatakan tidak gugur pula <i>Abe</i> [abang] Li tidak suka maaf sangat - sangat mengatakan <i>gitu</i> [macam itu] kerana orang kita ni gagal menerima hero dia mati. Daripada situ daripada dia tidak boleh terima hero dia mati daripada Hang Tuah lagi tidak mati <i>dok</i> [pelengkap ayat], daripada <i>sapo</i>[siapa] lagi pejuang - pejuang melayu kita ni <i>hok</i> [yang] tidak mati kemudian ghaib dengan begitu <i>dok</i> [pelengkap ayat] ghaib dengan begitu maknanya kita gagal menerima kematian hero kita, ekoran daripada kegagalan itulah lalu menyebabkan kita mencari <i>mencreate</i> [mereka] satu cerita menjadikan dia sejarah sebagai mitos ada tokok tambah supaya tidak luntarnya cerita ketidakguguran pejuang kita, tidak mati pejuang kita ni kerana lagu ni, begitu juga Mat Kilau, Mat Kilau berapa kali mati tapi itu betul Mat Kilau betul memang begitu, Mat Kilau ni berapa kali mati, mati <i>ore</i> [orang] <i>gi tane</i> [pergi tanam] batu nisan <i>jah</i> [saja] yang ditanam, <i>tue</i> [tuan -</p>

	<p>merujuk kepada Mat Kilau] tiada dah, ghaib <i>gi lah duano tahu</i> [tidak tahu pergi kemana] tiba - tiba <i>duk lain pulok</i> [duduk tempat lain pula]; tu Mat Kilau, Mat Kilau memang begitu tapi oleh kerana Mat Kilau tu dengan bentuk dia <i>lagu tu</i> [macam tu], maka apa yang ada pada Mat Kilau tu diletak pula pada orang lain, semua pejuang - pejuang yang lain, orang dulu tidak mati orang ni tidak mati ada yang Datuk Maharajalela lari <i>gapo</i> [apa] <i>gotu goni</i> [itu ini] katanya Datuk Maharajalela itu juga tidak pernah mati, tidak pernah mati jadi <i>gotu</i> [itu] jadi <i>goni</i> [ini] macam - macam orang tua cerita yang membolehkan pejuang tidak mati, dia <i>create</i> [mereka] mitos <i>dok</i> [pelengkap ayat], <i>fairytale</i> [cerita dongeng] mitos tokok tambah pada cerita.</p>
SA	: Boleh encik kongsi sedikit jasa-jasa yang telah dilakukan oleh Tok Janggut yang ramai tidak tahu?
RM	: Tiadalah, dianya selain daripada tu <i>gak</i> [pelengkap ayat] dia mengajar agamalah, dia mengajar agama, mengajar silat begitu jasa dia <i>takdok gapo</i> [tiada apa], dia ada lah satu aliran kependekaran <i>hok</i> [yang] ada di Pasir Puteh mendakwa dia daripada silat Tok Janggut, okey lah, tiada masalah. Maknanya kalau adanya dia kata warisan Tok Janggut tu, silat warisan Tok Janggut maknanya kita kenang jasa Tok Janggut yang dibawa sampai ke hari ni <i>takpola</i> [tidak apa la] dia nak dakwa begitu tiada masalah lah. Cuma bagi <i>Abe</i> [abang] Li <i>Abe</i> [abang] Li sukalah sebab itu jasa Tok Janggut.
SA	: Adakah penjajah british masih menjejaki waris - waris Tok Janggut yang masih hidup?
RM	: <i>Takdok lah</i> [tiada dah], abih doh [habis dah]. <i>Sekak</i> [sejak] lima puluh tujuh (57) Sembilan belas lima puluh enam (1956) <i>takdok</i> [tiada], cari semula letih <i>dok</i> [pelengkap ayat], cari pun apa untung.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4

SF	:	Apakah yang dilakukan encik bagi anak-anak zaman sekarang memperingati Tok Janggut?
RM	:	Okey, baru <i>start</i> [mula]. <i>Abe</i> [abang] Li ada impian dan kita tubuh warisan, warisan Tok Janggut di Pasir Puteh, kita pernah tubuh melalui keluarga, kita tubuh tapi tidak kemanalah, pertubuhan tu tidak kemana walaubagaimanapun dalam tu ada satu hasrat yang terlalu besar iaitu hasrat kami ialah membawa pulang kubur Tok Janggut ke Pasir Puteh lalu memohon kerajaanya letaklah mana - mana, bukan kita nak memuja, kita tidak hendak memuja kubur, tapi setidak - tidaknya apa perjuangan yang telah dibawa oleh Datuk Maharajalela sehingga adanya Kompleks Sejarah Pasir Salor <i>dok</i> [pelengkap ayat], apalah salah sekiranya dibuat satu kompleks juga untuk Tok Janggut dengan mengambil kira persetujuan daripada istana menutup sebarang - sebarang cerita yang berkaitan dengan istana apa salahnya kita buat satu kompleks seni supaya anak cucu dapat melihat inilah kubur seorang pejuang yang telah berjuang menentang Inggeris dengan falsafah yang cukup - cukup memberi kesan kepada kita iaitu pegangan agamanya sendiri, sepatutnya <i>gitu</i> [begitu] tapi sampai ke hari ini tidak ada riak air pun <i>nok wak kelik</i> [hendak bawa balik] kubur Tok Janggut letak disini dan membina satu kompleks sejarah yang boleh dilihat oleh anak cucu dengan segala bahan yang telah pun ada sekurang - kurangnya boleh lah <i>pakat pakat tengok</i> [tengok - tengok] <i>pakat pakat baca</i> [sambil baca], dibuat satu monumen bukan kita nak agung benda tak tentu pasal, bukan kata kita hendak buat sehingga menjadi tahyul bukan, kita nak puja kubur bukan begitu kita <i>takdok</i> [tiada] niat pun begitu sehingga jadi <i>supo</i> [seperti] mahsuri <i>ko</i> [ke] bukan, kita tidak suka <i>lagutu</i> [macamtu] tapi setidak - tidaknya anak cucu boleh tengok, generasi yang akan datang boleh tengok inilah kompleks sejarah, inilah kubur Tok Janggut, inilah jalan ceritanya, inilah mengapa Tok Janggut

	<p>menentang Inggeris kita boleh letak besaran, kalau buat pakat [sama - sama] tengok disahutlah juga kita boleh letak pameran persenjataan melayu ataupun siapa yang boleh mengeluarkan produk yang berkaitan dengan persenjataan pun boleh letak situ <i>kure - kure</i> [kurang - kurang] orang boleh <i>maghi</i> [datang] boleh beli sebagai cenderahati, boleh sebagai pelancongan, untuk pelancongan sejarah. Banyak benar keuntungan yang boleh kita buat tapi tolong <i>maghi</i> [mari] buat di Pasir Puteh, buatlah mana - mana tempat <i>takpo</i> [tidak apa], tanah kerajaan banyak, selagi tak buat <i>jah</i> [pelengkap ayat]. Tu yang <i>Abe</i> [abang] Li suka sangatlah tapi itu lah, <i>gitulah</i> [begitulah] bermakna kalau dalam <i>thesis</i> [tugasan] sebut <i>gitupun</i> [begitu pun] okeylah, <i>kure - kure</i> [kurang - kurang] <i>ore</i> [orang] lain boleh baca, pengembangannya kemana <i>Abe</i> [abang] Li tidak pastilah <i>kade - kade</i> [kadang- kadang] <i>thesis</i> [tugasan] ni selepas pada bagi markah apa, <i>tohok</i> [buang] situlah, tiada apa dah. Nak hantar nak letak di <i>library</i> tak mungkin ada dah, <i>sapo</i> [siapa] nak baca <i>kae</i> [kan], biasalah universiti.</p>
SA	: Apakah harapan encik mengenai keturunan Tok Janggut yang diluar sana yang hanya duduk mendiamkan diri sambil menyembunyikan identiti beliau?
RM	: Okey <i>gini</i> [begini] <i>Abe</i> [abang] Li suka kalau dia boleh berhubung balik, <i>hok</i> [yang] duduk di luar - luar terutamanya <i>hok</i> [yang] lari hari tu sampai ke Mersing, Mersing tu ada dia berhubung dah tapi tidak akrab mana sebab jauh, <i>Abe</i> [abang] Li jarang - jarang bolehlah berjumpa, berkumpul jumpa baliklah
SA	: Apakah harapan encik terhadap rakyat Negeri Kelantan mengenai cerita Tok Janggut?
RM	: Harapannya supaya orang Kelantan ini menukar persepsi yang sedia ada iaitu mengatakan Tok Janggut sebagai penderhaka kepada seorang pejuang keseluruhannya lah. Tukar persepsi, jangan duduk <i>mikir</i> [fikir] kepada apa ni

		penderhaka.
SA	:	Apa program terbaru yang dilakukan oleh encik tentang kisah Tok Janggut?
RM	:	Okey yang terakhir <i>loni</i> [sekarang], yang sedang berlangsung <i>loni</i> [sekarang] <i>Abe</i> [abang] Li buat <i>pantomime</i> (teknik lakonan berdasarkan suara latar), <i>pantomime</i> jihad Putera Jeram, <i>Abe</i> [abang] Li buat bersama dengan kolaboratif ingat <i>deh</i> [ya] perkataan itu, kolaboratif <i>buke</i> [bukan] kolaborasi <i>deh</i> [pelengkap ayat] kolaboratif diantara Majlis Daerah Pasir Puteh dengan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, menerbitkan satu <i>Pantomime</i> jihad Putera Jeram. Kita buat <i>show</i> [pertunjukan] <i>kelilinglah</i> [seluruh] Kelantan ni. Yang terakhir baru ni di Pasir Mas, di sekolah Maahad Muhammadi Pasir Mas, kemudian yang akan kita pentaskan pula ialah di sekolah Maahad Muhammadi Gua Musang pada 25 (dua puluh lima) bulan ini, 25 (dua puluh lima) sebelum puasa dan kemungkinan besarnya pada 13 (tiga belas) haribulan, hari Sabtu ni ke 13 (tiga belas) haribulan?[pencerita tidak pasti] kita akan pentaskan juga Cakna Rakyat di Felcra, mungkin <i>Abe</i> [abang] Li tidak pasti <i>confirm</i> [jadi] ke tidak. Kalau ada boleh la naik motor, mari ramai – ramai bawa ramai - ramai tengok, kalau demo [kamu] tidak <i>titik</i> [menitis] air mata meinang tipulah, tipu, <i>Abe</i> [abang] Li juga berani jamin <i>titik</i> [menitis] air mata tengok walaupun <i>Pantomime</i> , <i>pantoimime</i> ni buat bentuk hampir dengan improvisasi iaitu <i>pantomime</i> ini dia pakai [guna] suara latar, <i>pantomime</i> ini <i>miming</i> [mengajuk suara] la, bergerak dengan <i>miming</i> [mengajuk suara], suara <i>kecil - kecil</i> [perlahan - lahan], <i>miming</i> [mengajuk suara] dengan suara <i>kecil - kecil</i> [perlahan - lahan], <i>miming</i> untuk suara besar itu <i>miming</i> [mengajuk suara] maknanya guna suara <i>kecil - kecil lah</i> [perlahan - lahanlah], takbir ke itu suara lagu, yang lain yang suara utamanya <i>miming</i> [mengajuk suara] lah, dia <i>miming</i> [mengajuk suara], itu <i>pantomime</i> . Kalau orang <i>ngaji</i> [belajar] pentas ada <i>gotu</i> [benda] itu. <i>Ngaji</i> [belajar] teater ada lah.

SA	:	Pernahkah encik bertemu dengan waris Tok Janggut yang lain?
RM	:	Ada, mesti ada. Ramai [pencerita ketawa] waris <i>Abe</i> [abang] Li lah waris Tok Janggut itu, tak mungkin tidak bertemu kan? Mesti bertemu kan.
SA	:	Siapakah waris yang encik jumpa itu?
RM	:	<i>Hok, hok, hok, hok</i> [yang, yang, yang, yang], bukan yang hendak buat sampai ke peringkat yayasan, dia merancang nak buat yayasan bila dia bersara, Haji Mohamad Ismail, duduknya <i>lalu</i> [melalui] nak <i>kelik</i> [balik], ada rumah dia jalan baru di Kampung Wakaf Chuku sebelah <i>U</i> [Universiti] ada rumah dua tingkat. Dia yang merancang untuk buat sampai ke peringkat hendak buat yayasan. Salah seoranglah yang pentinglah, dia rumah dia yang membuat perhimpunan waris, kumpul semula.
SA	:	Adakah kajian masih dijalankan bagi mencungkil lagi sejarah cerita Tok Janggut ini?
RM	:	Mungkin ada tapi daripada versi lainlah, bukan versi yang sedia ada, sebab versi yang sedia ada ni <i>Abe</i> [abang] Li rasa lengkap, versi <i>hok</i> [yang] ada <i>loninya</i> [sekarangnya] sudah lengkap, kalau maknanya selain dari kemungkinannya versi – versi yang <i>Abe</i> [abang] bawa ini pun sudah lengkap, <i>Abe</i> [abang] Li rasa lengkap dah.
SA	:	Apakah program mengenai Tok Janggut yang telah encik hadiri?
RM	:	Ada, di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) lepas tu yang tadilah, yang <i>Abe</i> [abang] Li buat pantomime sebenarnya pameran warisan Tok Janggut. Pameran warisan Tok Janggut <i>Abe</i> [abang] Li sentiasa hadir cumanya <i>Abe</i> [abang] Li tidak berkesempatan untuk buat <i>briefing</i> [ringkasan], selepas itu ada

	<p>pengkisahan sejarah Tok janggut pada hari Kebangsaan inilah, orang jemput <i>sokmo</i> [sentiasa] lah, buat pengkisahan di sekolah, di rumah Dato Syukri, di <i>show</i> [pertunjukan], ramai orang penuh berhimpun sebab sambut merdeka, <i>Abe</i> [abang] Li buat pengkisahannya, pengkisahan sejarah lepastu ada orang minta <i>Abe</i> [abang] Li buat buku, buat buku dengan pengkisahan itulah, <i>Abe</i> [abang] Li kata kenapa buat buku itu ambil dari buku juga [pencerita berjenaka]. Buku apa?[orang bertanya], buku Professor Dato Nik Anuar ada dah [jawab pencerita]. Dia ingat suruh <i>Abe</i> [abang] Li buat buku padahal <i>Abe</i> [abang] Li ambil dari buku dah [ketawa].</p>
SA	: Masa hari Kemerdekaan ada berjumpa dengan waris Tok Janggut?
RM	: Ada juga cumanya banyaknya wartawan lah jumpanya, hendak <i>bubuh</i> [letak] dalam surat khabar, ambil gambar tiap - tiap tahun, merdeka ada lah <i>Abe</i> [abang] Li, merdeka <i>jah</i> [saja] ada, merdeka <i>jah</i> [saja] ada, muka <i>Abe</i> [abang] Li <i>dale</i> [dalam] surat khabar, macam – macam surat khabar, <i>doh</i> [pelengkap ayat] orang lain bukan <i>takdok</i> [tiada] tapi orang tidak jumpa, <i>Abe</i> [abang] Li mudah berjumpa, kebetulan Sinar Harian Pasir Puteh [nama surat khabar] wartawan Sinar Harian [nama surat khabar] rapat siang malam, dia pun tiada bahan lain, itu tiap - tiap tahun <i>caro</i> [asyik] ambil gambar.
SA	: Jika diberi satu peluang untuk encik menerbitkan sebuah buku mengenai cerita Tok Janggut, adakah encik akan mengambil peluang itu?
RM	: <i>Abe</i> [abang] Li selain daripada, selain daripada <i>hok</i> [yang] <i>Abe</i> [abang] Li pernah baca, <i>Abe</i> [abang] Li pun suka juga sebenarnya hendak terbitkan satu buku lain yang, yang mungkin merujuk kepada buku sedia ada itu, merujuk kepada buku sedia ada, mungkin sedikit pertambahanlah, sedikit pertambahan mungkin arwah Professor Nik Anuar ini dia ambil keseluruhan sejarah, mungkin dia tidak <i>bubuh</i> [letak] falsafah, kalau diberi kesempatan, <i>Abe</i> [abang] Li suka

	<p>nak <i>bubuh</i> [letak] falsafah perjuangan tu. <i>Abe</i> [abang] bukanlah nak politik sangat, tapi kadang - kadang yang benar kena cakap benar, yang tidak benar kena cakap tidak benarlah. Takkan <i>Abe</i> [abang] Li nak kata Haji Hadi itu betul <i>sokmo</i> [selalu], Haji Hadi pun tidak betul juga tu. <i>Smeta ko</i> [disebabkan] dia ulamak, <i>smeta ko</i> [disebabkan] ada ilmu agama, tidak semestinya begitu. Dia pun ada nafsu juga, dia ada nafsu juga, Sembilan puluh (90) juta <i>boh</i> [pelengkap ayat [sambil ketawa]]. Bukan nak kata dia ambil Sembilan puluh [90] juta, bukan <i>Abe</i> [abang] Li setuju yang tapi boleh disyaki, jadi <i>gitulah</i> [macamtulalah] <i>deh</i> [pelengkap ayat]. Kalau bukan dia pun orang lain yang ambil, bukan kata <i>Abe</i> [abang] Li nak tuduh, tapi kalau berdasarkan kepada susur galur <i>hok</i> [yang] <i>demo</i> [orang] bercerita, hampir - hampir dekat dah dengan jadi cerita, bukan kata, Haji Hadi bukan <i>perfect</i> [sempurna] Cuma <i>Abe</i> [abang] Li tidak suka kerajaan pasalnya <i>teke</i> [paksa] sangat rakyat, tiada benda lain. Lainlah <i>hok</i> [yang] arwah Tok Guru Nik Aziz ada, itu cerita lain yang itu baru kita tiada orang nak <i>tek</i> [sentuh], tiada orang nak <i>tek</i> [sentuh] <i>gapo</i> [apa] yang tidak betul, <i>gapo</i> [apa] yang buruk atas arwah Tok Guru, tiada <i>so karo habuk</i> [sedikit pun] boleh orang <i>tek</i> [sentuh]. Kalau dia pimpin kita betul lah tu, macam tu lah pemimpinnya, susah kita hendak cari ulamak yang umarak, ulamak yang umarak, siapa? Boleh betul - betul jadi umarak, ulamak yang boleh memimpin, siapa? Kebanyakan Tok Guru <i>duk</i> [di] pondok macam itu saja betul kata Tun Dr. Mahathir kata <i>demo</i> [mereka] Tok Guru buka pondok mengajarlah. Mahathir kata kepada Tok Guru macam it, arwah Tok Guru balas macam mana, arwah kata “<i>doh demo doktor buka klinik</i>” [sebab kamu doktor buka kliniklah]. Matik tu ilmu matik, mana hendak cari balas macam itu tapi <i>dale</i> [dalam] tu, kalau “<i>kalau demo doktor buka klinik, takyoh caro ko politiklah</i>” [kalau kamu doktor tidak perlu berpolitiklah] (dialog Tok Guru). Kalau suruh kita cara bodoh [sambil ketawa].</p>
SA	: Apakah rancangan Encik untuk masa hadapan?

RM	: <i>Abe</i> [abang] Li merancang jauh, <i>loni</i> [sekarang] umur lima puluh satu (51) dah, nak merancang terlalu jauh, <i>Abe</i> [abang] Li rasa masa singkat sekali cuma <i>Abe</i> [abang] Li mintanya generasi terutamanya, ini nama [bertanya nama] Syed [Syed menjawab] dan yang, Syahrul [Syed menjawab] bawalah pula cerita, bawalah pula falsafah perjuangan kearah yang, yang lebih baiklah, yang bergunalah bukan <i>menalikan</i> [memanjangkan] perjuangan kedalam jiwa anak – anak. <i>Menali</i> [memanjangkan]. Kalau <i>Abe</i> [abang] Li nak merancang ke masa depan pendek sangat dah, tidak lama dah <i>Abe</i> [abang] Li pun. Bukan kata minta mati tapi dia panggil apa masa <i>Abe</i> [abang] Li dah, <i>takkan nak tukat langit dok</i> [takkan hidup lama lagi] umur lima puluh satu (51) tidak lama dah [pencerita berseloro]
----	---

TAMAT BAHAGIAN 4

RUJUKAN

- Nik Haslinda Nik Hussain. (n.d). Sejarah Perjuangan Tok Janggut atau Haji Mat Hassan, 1915 di Kelantan. Universiti Sains Malaysia: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.
- Mardiana Nordin. (n.d). Kepengarangan Naskhah 'Sejarah Peperangan Tok Janggut, MS1651': *Catatan tentang Penderhakaan atau Perjuangan?*. Universiti Malaya: Fakulti Sastera dan Sains Sosial

INDEKS

<p>A</p> <p>Anak Alam 25</p>	<p>M</p> <p>Muzium Kraftangan 45</p> <p>Malay States Guide 12</p>
<p>B</p> <p>Bodleian Library 14, 47</p> <p>Bank Kerapu 46</p>	<p>G</p> <p>Gong Saribulan 38, 39</p>
<p>I</p> <p>Istana Legeh 28, 38</p>	<p>P</p> <p>Padang Bank 13, 45</p> <p>Persetiaan Bangkok 27</p> <p>Pantomime 50, 51</p> <p>Peraturan Tanah Baru 1914 2, 3, 9</p> <p>Perang Gedebe Itik 32</p>
<p>J</p> <p>Jeram 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 34, 39, 51</p>	<p>S</p> <p>Siri Neng Buah 43, 46</p> <p>Sarjan Che Wan 3, 7, 12, 29, 30, 32</p>
<p>L</p> <p>Long Ghaffar 7, 8, 39</p> <p>Lakota 29</p> <p>Langham-Carter 5, 10, 12, 15, 37</p>	<p>T</p> <p>Tok Kweng 1,7, 8, 11, 12</p> <p>Tok Nebeng 7, 8</p> <p>Turki Uthmaniah 35</p>

LAMPIRAN

LOG TEMUBUAL

Syed Mohamad Firdaus Bin Sayed Hamid dan Wan Shahrul Akmal menemubual Ramli Bin Mohamad yang dilahirkan pada 1966, di Pasir Puteh, Kelantan. Temubual dijalankan di pejabat beliau di Majlis Daerah Pasir Puteh, Kelantan, mengenai kisah kematian Tok Janggut.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG		
0.31	Latar belakang pencerita	<ul style="list-style-type: none">• Nama penuh Ramli Bin Mohamad• Cicit saudara kepada arwah Tok Janggut
1.27	Nama panggilan	<ul style="list-style-type: none">• Abe Li
1.39	Tarikh lahir	<ul style="list-style-type: none">• 10/7/1966
1.53	Tempat asal	<ul style="list-style-type: none">• Kampung Canggal, Pasir Puteh, Kelantan
2.17	Tempat membesar	<ul style="list-style-type: none">• Kampung Canggal, Pasir Puteh, Kelantan
2.25	Tinggal dengan siapa	<ul style="list-style-type: none">• Duduk dengan arwah nenek.
2.27	Adik beradik	<ul style="list-style-type: none">• 5 orang adik beradik• Anak kedua
3.05	Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none">• Bekerja sebagai

		Penguatkuasa Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP)
3.13	Tempat belajar	<ul style="list-style-type: none"> • Sekolah Kebangsaan Canggal • Sekolah Menengah Gaal • Sekolah Menengah Kamil
3.28	Nama ibu pencerita	<ul style="list-style-type: none"> • Cik Rugayah Binti Abdul Rahman
3.39	<ul style="list-style-type: none"> - Nama isteri pencerita - Tempat asal - Pekerjaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Noraini binti Mohamad Yusof • Berasal di kampung Jelor, Pasir Puteh. • Suri rumah
4.00	Bilangan anak pencerita	<ul style="list-style-type: none"> • 6 orang anak • 4 lelaki 2 perempuan
4.10	Bilangan anak yang belajar	<ul style="list-style-type: none"> • 3 orang anak yang sudah habis belajar • Seorang di UiTM Shah Alam • Seorang lagi di Universiti

		<p>Malaysia Sabah (UMS)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Yang ketiga tidak sambung kemana-mana kerana sekarang berada di akademi bola sepak
4.57	Anak yang sudah bekerja	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak ada • Guru sekolah di sekolah menengah sri aman
5.21	Mengisi masa terluang	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak mengisi masa terluang
5.48	Cita-cita pencerita	<ul style="list-style-type: none"> • Ingin menjadi guru
6.41	Bersemuka dengan arwah Tok Janggut	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak pernah
7.07	Adakah pencerita mengamalkan ilmu Tok Janggut	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak memiliki ilmu kependekarann dan ilmu agama • Tidak pernah mengamalkan apa-apa ilmu
8.54	Bukti pencerita mengatakan salah seorang keturunan Tok Janggut	<ul style="list-style-type: none"> • Diceritakan oleh orang dahulu secara turun temurun mengatakan pencerita ini cicit saudara • Tidak ada bahan bukti

		<ul style="list-style-type: none"> • Selepas kematian Tok Janggut semua keluarga lari
11.09	Pernah ditemuramah oleh orang luar	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk Astro pernah buat temuramah • Pelajar UiTM Machang • Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
11.48	<ul style="list-style-type: none"> - Melawat dikubur Tok Janggut - Tempat tinggal Tok Janggut - Tempat bermesyuarat - Tempat mengumpulkan orang 	<ul style="list-style-type: none"> • Kubur yang rasmi di Pasir Pekan pernah pergi melawat • Rumahnya dibakar • Tempat tinggal di kampung Darang Buaya di Batu Hitam • Kampung Dalang Pupuh • Mengumpulkan orang Kampung Tok Akid
BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG TOK JANGGUT		
13.38	Nama sebenar Tok Janggut	<ul style="list-style-type: none"> • Haji Mat Hassan bin Panglima Munas
13.48	Bilangan adik beradik	<ul style="list-style-type: none"> • Ada lima orang • Empat lelaki seorang

		perempuan
14.04	Pertalian darah dengan kerabat diraja	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak ada
14.21	Berjumpa dengan barang peninggalan Tok Janggut	<ul style="list-style-type: none"> • Ada terjumpa Keris Tok Janggut • Dengan adik Abe Li sendiri ada menyimpan keris dan pernah buat pameran di muzium • Cucu saudara arwah Tok Janggut bernama Poksu Sulaiman yang simpan dan pemegangnya telah mati • Keris yang menikam Sarjan Che Wan • Keris yang paling popular ialah Anak Alang
20.44	Mendapat gelaran sebagai Tok Janggut	<ul style="list-style-type: none"> • Disebabkan dia seorang ulamak atau seorang tok guru akan dipanggil tok. • Disebabkan oleh janggutnya yang panjang ke dada

		<ul style="list-style-type: none"> • Dikatakan paras janggutnya hingga ke riba
22.05	Tempat asal Tok Janggut	<ul style="list-style-type: none"> • Berasal di Pasir Puteh • Dahulu dipanggil Daerah Jeram
22.05	Tok Janggut pernah belajar di Mekah	<ul style="list-style-type: none"> • Anak murid daripada Syeikh Ahmad Fatoni
22.37	<ul style="list-style-type: none"> - Isteri Tok Janggut - Bilangan anak 	<ul style="list-style-type: none"> • Isterinya bernama Staja • Nama sebenarnya Siti Hajar • Tidak mempunyai anak
22.41	<ul style="list-style-type: none"> - Seni pertahankan diri yang diamalkan - sempadan negeri 	<ul style="list-style-type: none"> • Tok Janggut belajar ilmu persilatan • Belajar dengan seorang panglima Istana Legeh • Nama Datuk Mingkum Bujur • Sempadan Lakota
22.14	Diamana Tok Janggut dikuburkan	<ul style="list-style-type: none"> • Kubur yang rasmin di Pasir Pekan • Versi lain mengatakan kuburnya berada di kampung Hutan Putih,

		<p>Machang</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pencerita tidak bersetuju dengan versi yang mengatakan kubur Tok Janggut di machang
30.14	Ilmu agama yang diamalkan	<ul style="list-style-type: none"> • Kesemua ilmu Tok Janggut amal • Syariah, thariqat, usuludin
31.04	Panglima seangkatan dengan Tok Janggut	<ul style="list-style-type: none"> • Salah seorang ialah Tok Nik Abbas. Rumah dia di kampung Tok Akid. • Pok Ya Lubuk Kawoh • Tok Penghulu Adam atau Tok adam • Tok Penghulu kampung Sura • Mereka semua memiliki ilmu kependekaran yang sama dengan Tok janggut • Diserahkan pentadbiran kepada Tok Janggut kerana beliau lebih tua

35.38	Beerkongsi serba sedikit perjalanan hidup Tok Janggut	<ul style="list-style-type: none"> • Tok Janggut cukup-cukup berilmu • Tok Janggut menetap di Istana dan tidak boleh keluar bermain sebarangan.
37.17	Kelab yang ditubuhkan untuk mengkaji Tok Janggut	<ul style="list-style-type: none"> • Kelab untuk mengkaji tidak ada • Kelab Waris Tok Janggut atau keluarga tetapi tidak aktif
40.11	peristiwa yang melibatkan Tok Janggut	<ul style="list-style-type: none"> • Peristiwa pembunuhan Sarjan Che Wan • Peristiwa perang Gedebe Itik • Selepas berlaku peristiwa pengusiran orang Inggeris, Tok Janggut mengishtiharkan Engku Besar sebagai Sultan dan ishtiharkan dirinya sebagai Perdana Menteri. • Perjanjian Bangkok

		disebabkan Kelantan dibawah Inggeris
43.20	- Perjuangan yang dibawa oleh Tok Janggut	<ul style="list-style-type: none"> • Perjuangan Tok Janggut adalah disebabkan haram orang islam dibawah pemerintahan orang kafir. Fatwa ini dikeluarkan oleh Turki Uthmaniah. • Berjuang kerana dikenakan cukai kepada rakyat
49.25	- Jihad yang telah dibawa oleh Tok Janggut	
50.19	Kebangkitan Tok Janggut menyebabkan Sultan Kelantan berasa terancam	<ul style="list-style-type: none"> • Sultan Kelantan di merasa apa-apa • Orang Inggeris yang memaksa pihak Istana mengeluarkan kenyataan bahawa Tok Janggut ini penderhaka.
52.25	- Tok Janggut mengumpulkan orang dari Kelantan sahaja atau negeri lain juga ada terlibat	<ul style="list-style-type: none"> • Di Setiu pun ada orang Tok Janggut. • Di Besut, Pasir Puteh, Kuala Krai • Daripada Legeh
54.51	- Dari daerah manakah datangnya orang-orang Tok Janggut	

55.47	Tok janggut mendapat sokongan dari pembesar atau orang atasan	<ul style="list-style-type: none"> • Raja sendiri yang memberi sokongan kepada Tok Janggut. • Disokong seratus peratus oleh Istana Jeram
58.25	<p>- Tempat berkumpul atau markas orang-orang Tok Janggut</p> <p>- Tempat itu masih wujud sehingga sekarang</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pertama dirumah Tok Nik Abbas yang telah dibakar. • Di kampung Gong Saribulan. Ini bukan markas biasa kerana setiap satu haribulan semua pendekar yang ada ditanah melayu akan berhimpun disitu. • Di kampung Tasik Gedombak • Di kampung Cherang Tuli • Markas ini masih wujud
1.01.31	Jumlah pengikut Tok Janggut	<ul style="list-style-type: none"> • Pengikut dikalangan pemimpin yang telah dikenakan ganjaran

		<ul style="list-style-type: none"> • Sepertinya Lebai kadir, Haji Sohok, Awe Donde, Mamat Pok Labuh. • Lebih daripada sepuluh orang
1.03.32	Siapakah ketua Daerah di Pasir Puteh ketika itu	<ul style="list-style-type: none"> • D.O Cik Latif • W.E Peppis • W.R.J Fara
1.04.29	Dimanakah peperangan itu berlaku	<ul style="list-style-type: none"> • Berlaku di Dalang Pupuh • Di kampung Gedebe Itik • Di kampung Tok Akid
1.05.05	- Peralatan yang digunakan masa peperangan	<ul style="list-style-type: none"> • Tok Janggut juga menggunakan senjata api • Tok Nik Abbas lebih suka menggunakan parang untuk menentang musuh • British menggunakan senjata api
1.11.36	Sumber maklumat yang encik memberitahu kepada kami mengenai Tok janggut dapat daripada mana	<ul style="list-style-type: none"> • Merujuk sumber daripada arwah Profesor, Dr Nik Anuar • Sumber daripada Ketua

		<p>Pengaruh Warisan Malaysia iaitu Siri Neng Buah.</p>
<p>BAHAGIAN 3: TOK JANGGUT DIBUNUH ATAU MENINGGAL DUNIA</p>		
1.13.15	<p>Betulkah kisah Tok Janggut ini ada dua versi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Salah satu versi pada tahun 2014 mengatakan Tok Janggut cedera masa pertempuran dan dibawa lari oleh seorang lelaki bernama Mat Kelubi ke Gua Musang kemudian sembuh dan balik ke Kota Bharu dan berkahwin mendapat anak. Kemudian Inggeris membawa satu mayat lain seperti Tok Janggut dan bawa ke Kota Bharu dan mengishtiharkan bahawa ini adalah mayat Tok Janggut. • Ada yang mengatakan Tok Janggut mati sakit

		pada tahun 1969 pada usia sekitar 119.
1.18.29	Encik ceritakan sama ada Tok Janggut mati dibunuh atau meninggal dunia	<ul style="list-style-type: none"> • Lebih suka mati di medan perang.
1.18.59	Adakah benar cerita tentang mayat Tok Janggut di arak ke Kota Bharu setelah di bunuh	<ul style="list-style-type: none"> • Betul
1.19.11	Lokasi mayat Tok Janggut digantung songsang	<ul style="list-style-type: none"> • Di Padang Bank dekat dengan tambatan diraja
1.19.56	Adakah gambar mayat Tok Janggut yang di peroleh perpustakaan bodleian,oxford ,united adalah benar	<ul style="list-style-type: none"> • Benar ia adalah Tok Janggut. Kerana seiras dengan datuk pencerita.
1.21.13	Apakah ada juga cerita mengenai Tok Janggut di luar negara	<ul style="list-style-type: none"> • Daripada England. Perpustakaan Bodleian, Universiti Oxford
1.21.50	Pelbagai spekulasi mengenai kematian Tok Janggut yang timbul. Apakah pandangan Encik mengenai situasi ini	<ul style="list-style-type: none"> • Pencerita lebih suka versi yang asal daripada orang tua zaman dahulu pun mengatakan Tok Janggut mati di medan perang. • Kemudian arwah Profesor Dr Nik Anuar membuat kajian dan

		<p>mengatakan gugur dimedan perang.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Siri Neng Buah juga mengatakan mati dimedan perang. • Pencerita tidak suka versi yang mengatakan Tok Janggut tidak mati kerana pejuang yang hebat adalah mati syahid, mati dimedan perang.
1.24.46	Kongsi sedikit jasa-jasa yang telah dilakukan oleh Tok Janggut yang ramai tidak tahu	<ul style="list-style-type: none"> • Selain daripada berjuang Tok Janggut juga mengajar agama dan mengajar silat.
1.25.50	Penjajah british masih menjejaki waris-waris Tok Janggut yang masih hidup	<ul style="list-style-type: none"> • Sekarang tidak ada British ingin mencari atau menjejaki Tok Janggut. Kerana benda sudah lama dan kita sudah merdeka, bebas
		<ul style="list-style-type: none"> •
BAHAGIAN 4: CADANGAN DARIPADA PENCERITA		

1.26.18	Apakah yang dilakukan encik bagi anak-anak zaman sekarang memperingati Tok Janggut	<ul style="list-style-type: none"> • Pencerita ada impian ingin menubuhkan warisan Tok Janggut di Pasir Puteh. • Pencerita juga berhasrat ingin membawa balik kubur Tok Janggut ke Pasir Puteh. • Berhasrat dapat membuat kompleks sejarah kerana untuk anak-anak muda mudah mengingati Tok Janggut dan membuat satu monumen.
1.30.39	Apakah harapan encik mengenai keturunan Tok Janggut yang diluar sana yang hanya duduk mendiamkan diri sambil menyembunyikan identiti beliau	<ul style="list-style-type: none"> • Pencerita ingin keturunan Tok Janggut ini berhubung antara satu sama lain.
1.21.10	Harapan encik terhadap rakyat Negeri Kelantan mengenai cerita Tok Janggut	<ul style="list-style-type: none"> • Harapan supaya menukar persepsi Tok Janggut penderhaka kepada pejuang.
1.42.56	Program terbaru yang dilakukan oleh	<ul style="list-style-type: none"> • Program yang telah

	encik tentang kisah Tok Janggut	<p>dilakukan oleh pencerita ialah program pentomin Pejuang Jihad Jeram. Kerjasama antara MDPP dengan pihak Muzium Negeri Kelantan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Program yang terakhir di Pasir mas di Sekolah Maahad Muhammadi. Kemudian akan berlansung program di Gua Musang.
1.34.08	Bilakah encik berjumpa dengan pewaris itu	<ul style="list-style-type: none"> • Pernah berjumpa.
1.35.18	Adakah kajian masih dijalankan bagi mencungkil lagi sejarah cerita Tok Janggut ini	<ul style="list-style-type: none"> • Versi yang sedia ada sudah pun lengkap.
1.35.51	Apakah program mengenai Tok Janggut yang telah encik hadiri	<ul style="list-style-type: none"> • Di UMK. • Pameran warisan Tok Janggut. • Membuat Pengkisahan Tok Janggut disekolah pada hari kemerdekaan.

1.38.08	Jika diberi satu peluang untuk encik menerbitkan sebuah buku mengenai cerita Tok Janggut, adakah encik akan mengambil peluang itu	<ul style="list-style-type: none">• Pencerita suka ingin menerbitkan sebuah buku tetapi perlu ada sedikit rujukan.
1.41.23	Rancangan Encik untuk masa hadapan	<ul style="list-style-type: none">• Ingin merancang jauh masa terlalu singkat kerana terlalu tua.• Ingin generasi muda lebih mengetahui sejarah Tok Janggut dan kekalkan sepanjang hayat.

BIOGRAFI TOKOH



Nama	Ramli Bin Mohamad
Umur	51 tahun
Tarikh Lahir	
Asal	Pasir Puteh
Alamat	Pasir Puteh, Kelantan
Tempat Tinggal	Kampung Canggal, Pasir Puteh
Adik beradik	Anak kedua daripada lima orang
Pekerjaan	Penguatkuasa Majlis Daerah Pasir Puteh
Pendidikan	Sekolah Rendah Kebangsaan Canggal
	Sekolah Menengah Kebangsaan Gaan
	Sekolah Menengah Kebangsaan Kamil
Nama bapa	
Nama ibu	
Nama isteri	
Bilangan Anak	6 orang (4 Lelaki 2 Perempuan)



DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
10.00am	7.3.2017	<ul style="list-style-type: none"> - <u>Membincangkan mengenai topic</u> - <u>Mula mendapat tugas</u> 	Carian melalui google dan laman sesawang mengenai topik
2.00 pm	29.3.2017	Mula mencari narator	Pergi ke Kota Bharu untuk menanyakan seba sedikit mengenai Tok Janggut
4.00 pm	5.4.2017	Diteruskan mencari narator	Pergi ke Machang untuk mencari narrator yang bernama Ruslan
1.00 pm	17.4.2017	Berjumpa dengan pencerita	Mula membuat pra temubual dengan cik Ruslan
11.00 am	22.4.2017	Pergi ke rumah Ustaz Abdullah	Balik kepada Ustaz Abdullah kerana cik Ruslan tidak lancar bercerita katanya
2.00 pm	23.4.2017	Nasih lagi dengan mencari narator	Pergi Ke Jabatan Kesenian Dan Kebudayaan Kelantan.(Jkkk) Untuk Menanyakan Tentang Siapa Yang Boleh Ditemuramah Tentang Tok Janggut. Dia Memberi Nombor Telefon Encik Hadi Yusof. Selepas Itu

			<p>Kami Menelefon Encik Hadi Tetapi Tidak Boleh. Kami Tidak Putus Asa Menelefon Sehingga Dapat Tetapi Encik Hadi Sibuk Dengan Hal Nya. Sehingga Kan Dia Memberi Nombor telefon Encik Ramli Cicit Saudara Tok Janggut Katanya.</p>
1.00 pm	8.5.2017	Berjumpa dengan narator	<p>Kami pergi ke Majlis Daerah Pasir Puteh(mdpp) untuk berjumpa dengan abe li. tetapi dia tidak ada di tempat kerjanya. dan kami balik dan menelefon abe li. dan tetapkan tarikh berjumpa.</p>
3.00 p.m	10.5.2017	Pra temubual	<p>kami ke kedai ibu berhadapan dengan uitm untuk pra temubual bersama Ramli bin Mohamad</p>
1,30 pm	11.5.2017	Temubual menyeluruh	<p>kami pergi Majlis Daerah Pasir Puteh Mdpp untuk</p>

			menebual Abe Li secara menyeluruh di pejabatnya sendiri
--	--	--	---



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN PROJEK SEJARAH LISAN

Saya.....Ramli Bin mohamad..... K/P:
..... pada11/5/2017.....dengan ini
bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti
Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik samaada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

Nama Pencerita Ramli Bin Mohamad

Tarikh: 11/5/2017

- Haji Ghazali Bin Osman
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Kelantan

Tarikh:

SENARAI SOALAN

1. **Apakah nama sebenar Encik?**
2. **Apakah nama panggilan Encik dikalangan rakan-rakan Encik?**
3. **Mengapakah Encik diberikan gelaran sedemikian?**
4. **Bilakah tarikh lahir Encik ?**
5. **Dimanakah tempat kelahiran Encik ?**
6. **Dimanakah Encik dibesarkan?**
7. **Dimanakah tempat tinggal sekarang Encik ?**
8. **Encik menetap dengan siapa?**
9. **Berapakah bilangan adik-beradik Encik ?**
10. **Encik anak yang keberapa?**
11. **Apakah pekerjaan Encik sekarang?**
12. **Dimanakah Encik belajar dahulu?**
13. **Siapakah nama bapa Encik ?**
14. **Siapakah nama ibu Encik ?**
15. **Adakah Encik sudah berkahwin?**
16. **Siapakah nama isteri Encik ?**
17. **Isteri Encik berasal daripada mana?**
18. **Apakah pekerjaan isteri Encik ?**
19. **Adakah Encik mempunyai anak?**
20. **Berapakah bilangan anak Encik ?**
21. **Adakah Encik masih mempunyai anak yang masih belajar?**
22. **Dimanakah anak Encik belajar?**
23. **Apakah pekerjaan anak anak Encik ?**
24. **Adakah Encik sudah mempunyai anak yang sudah berkahwin?**
25. **Adakah Encik sudah mempunyai cucu?**

26. **Apakah minat Encik bagi mengisi masa yang terluang?**
27. **Apakah cita cita sebenar Encik ?**
28. **Apakah hubungan Encik dengan Tok Janggut?**
29. **Adakah Encik pernah bersemuka dengan Tok Janggut?**
30. **Adakah encik mengamalkan ilmu seni mempertahankan diri seperti Tok Janggut?**
31. **Adakah Encik ada mengamalkan apa yang Tok Janggut amalkan?**
32. **Mengapakah Encik merupakan salah seorang keturunan Tok Janggut?**
33. **Pernahkah encik di temuramah oleh orang lain mengenai Tok Janggut sebelum ini?**
34. **Adakah Encik pernah pergi melawat tempat yang didiami oleh Tok Janggut?**

Bahagian 2

Latar Belakang Tok Janggut

35. **Apakah nama sebenar Tok Janggut?**
36. **Berapa jumlah adik beradik Tok Janggut?**
37. **Adakah adik beradik mereka masih hidup?**
38. **Adakah Tok Janggut mempunyai pertalian darah dengan kerabat diraja?**
39. **Apakah barang-barang peninggalan yang telah dijumpai oleh Encik?**
40. **Mengapakah beliau diberi gelaran Tok Janggut?**
41. **Mengapakah Tok janggut membela janggut hingga ke paras dada.?**
42. **Dari manakah asal Tok Janggut?**
43. **Dimanakah tempat tinggal Tok Janggut?**

44. **Betulkah Tok Janggut pernah belajar di Mekah?**
45. **Siapakah isteri Tok Janggut?**
46. **Adakah Tok Janggut dikurniakan zuriat?**
47. **Apakah seni pertahanan diri yang diamalkan oleh Tok Janggut?**
48. **Dimanakah Tok Janggut dikuburkan?**
49. **Apakah ilmu agama yang diamalkan Tok Janggut?**
50. **Siapakah tokoh atau panglima yang seangkatan dengan Tok Janggut pada ketika itu?**
51. **Bolehkah encik berkongsi serba sedikit tentang perjalanan hidup Tok Janggut?**
52. **Adakah terdapat sebuah kelab yang ditubuhkan untuk mengkaji tentang Tok Janggut?**
53. **Apakah peranan atau tujuan lain kelab tersebut ditubuhkan?**
54. **Apakah hubungan Encik dengan kelab Tok janggut?**
55. **Apakah bahan yang telah dikumpul encik mengenai Tok Janggut?**
56. **Apakah peristiwa yang melibatkan Tok Janggut yang Encik tahu?**
57. **Apakah perjuangan yang dibawa oleh Tok Janggut?**
58. **Apakah jihad yang telah dibawa oleh Tok Janggut?**
59. **Apakah yang ditentang oleh Tok Janggut?**
60. **Mengapa Tok Janggut menentang cukai?**
61. **Mengapakah kebangkitan Tok Janggut menyebabkan sultan kelantan berasa terancam?**
62. **Bagaimanakah Tok Janggut dapat mengumpulkan orang diseluruh negeri kelantan untuk menentang British?**
63. **Adakah Tok Janggut mengumpulkan orang dari Kelantan sahaja atau negeri lain juga ada terlibat?**
64. **Dari daerah manakah datangnya orang-orang Tok Janggut?**

65. Adakah Tok janggut mendapat sokongan dari pembesar atau orang atasan?
66. Dimanakah tempat berkumpul atau markas orang-orang Tok Janggut?
67. Apakah tempat itu masih wujud sehingga sekarang?
68. Berapakah jumlah pengikut Tok Janggut?
69. Siapakah ketua Daerah di Pasir Puteh ketika itu?
70. Dimanakah peperangan itu berlaku?
71. Peralatan yang macam manakah telah digunakan rakyat negeri Kelantan bagi menentang musuh?
72. Apakah yang dilaungkan Tok Janggut ketika hendak berperang?
73. Apakah senjata yang digunakan oleh British ketika itu?
74. Bolehkah encik menceritakan serba sedikit mengenai fatwa tersebut?
75. Apakah Sumber maklumat yang encik memberitahu kepada kami mengenai Tok janggut dapat daripada

Bahagian 3

Tok Janggut Dibunuh Atau Meninggal Dunia

76. Betulkah kisah Tok Janggut ini ada dua versi?
77. Apakah yang terjadi kepada Tok Janggut dalam versi kedua cerita ini?
78. Apakah pendapat encik mengenai cerita yang mengatakan bahawa Tok Janggut masih hidup selepas peperangan itu?
79. Bolehkah Encik ceritakan sama ada Tok Janggut mati dibunuh atau meninggal dunia?

80. Adakah benar cerita tentang mayat Tok Janggut di arak ke Kota Bharu setelah di bunuh?
81. Dimanakah lokasi mayat Tok Janggut digantung songsang?
82. Adakah gambar mayat Tok Janggut yang di peroleh perpustakaan Bodleian, Oxford , United Kingdom adalah benar?
83. Adakah benar cerita yang mengatakan janggut Tok Janggut telah di potong untuk menampakan wajahnya?
84. Bolehkah encik menceritakan serba sedikit tentang apa yang terjadi terhadap Tok Janggut selepas peperangan tersebut?
85. Apakah ada juga cerita mengenai Tok Janggut di luar negara?
86. Pelbagai spekulasi mengenai kematian Tok Janggut yang timbul. Apakah pandangan Encik mengenai situasi ini?
87. Boleh encik kongsi sedikit jasa-jasa yang telah dilakukan oleh Tok Janggut yang ramai tidak tahu?
88. Adakah penjajah british masih menjejaki waris-waris Tok Janggut yang masih hidup?

Bahagian 4

Cadangan Daripada Pencerita

89. Apakah yang dilakukan encik bagi anak-anak zaman sekarang memperingati Tok Janggut?
90. Apakah harapan encik mengenai keturunan Tok Janggut yang diluar sana yang hanya duduk mendiamkan diri sambil menyembunyikan identiti beliau?
91. Apakah harapan encik terhadap rakyat Negeri Kelantan mengenai cerita Tok Janggut?

92. **Apa program terbaru yang dilakukan oleh encik tentang kisah Tok Janggut?**
93. **Dimanakah program itu berlangsung?**
94. **Bagaimanakah sambutan program itu?**
95. **Pada masa terdekat ini, apakah ada program yang bakal dilangsungkan mengenai Tok Janggut?**
96. **Pernahkah encik bertemu dengan waris Tok Janggut yang lain?**
97. **Siapakah waris yang encik jumpa itu?**
98. **Bilakah encik berjumpa dengan pewaris itu?**
99. **Apakah program mengenai Tok Janggut yang telah encik hadiri?**
100. **Adakah kajian masih dijalankan bagi mencungkil lagi sejarah cerita Tok Janggut ini?**
101. **Jika diberi satu peluang untuk encik menerbitkan sebuah buku mengenai cerita Tok Janggut, adakah encik akan mengambil peluang itu?**
102. **Adakah Encik mempunyai bahan-bahan untuk rujukan berkenaan Tok Janggut ?**
103. **Apakah rancangan Encik untuk masa hadapan?**
104. **Apakah nasihat encik kepada generasi sekarang terutamanya bangsa melayu tentang sejarah Tok Janggut?**

